AKHBAR RASMI KERAJAAN BRUNEI

پليتا بروني

# Pelita Brunei

DITERBITKAN PADA TIAP-TIAP HARI RABU

TAHUN 29 BILANGAN 48 | RABU 28 NOVEMBER, 1984. | رابو 4 ربيع الاول 1405 | PERCUMA

# MENTERI INDONESIA DIPERKENAN MENGADAP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam telah berkenan menerima mengadap Tuan Yang Terutama Bapak Profesor Dr. Subroto, Menteri Pertambangan dan Energi Republik Indonesia di Istana Nurul Iman pada hari Khamis lepas.

Berangkat ke istiadat itu ialah Kebawah Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Begawan Sultan Jeneral Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien Saadul Khairi Waddien, Menteri Pertahanan, Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Bendahara Seri Maharaja Permaisuara Pengiran Muda Haji Sufri Bolkiah dan Duli Yang Teramat Mulia Paduka Seri Pengiran Digadong Sahibul Mal Pengiran Muda Jefri Bolkiah, Menteri Kebudayaan Belia dan Sukan merangkap Timbalan Menteri Kewangan.

Dalam istiadat itu Tuan Yang Terutama Bapak Profesor Dr. Subroto telah diiringi oleh Duta Besar Indonesia ke Negara ini Bapak Zuwir Djamal dan tiga orang Pegawai Kanan Indonesia, dan seterusnya menyembahkan 'Salam Kehormatan' dari Presiden Suharto ke hadapan Majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam.

### TUJUAN LAWATAN

Lawatan Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Subroto yang juga adalah Pengerusi Jawatankuasa Kaji Pasaran OPEC bertujuan untuk menjelaskan mengenai keputusan rundingan OPEC di Geneva baru-baru ini di samping mengambil langkah-langkah kemungkinan mewujudkan Kerjasama antara Republik Indonesia dan Brunei Darussalam sebagai negara pengeluaran minyak di rantau ini.

Di samping itu tujuan lawatan ini juga bertujuan untuk mengundang Brunei Darussalam sebagai Pemerhati di Persidangan OPEC pada 16 Disember depan di Geneva.

Dalam pada itu juga Brunei Darussalam telah dijemput menjadi ahli Co Operasi Minyak ASEAN, dan di waktu yang sama menghadiri persidangan OPEC yang akan berlangsung di Kuala Lumpur Februari depan.

Tuan Yang Terutama Bapak Menteri Pertambangan dan Energi yang disertai oleh empat orang Pegawai itu juga telah dibawa melawat ke kawasan minyak Champion dan seterusnya mengikuti maklumat ringkas mengenai Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad.

Tuan Yang Terutama Profesor Dr. Subroto dan rombongan pulang pada Jumaat lepas dan berada di lapangan terbang mengucapkan selamat belayar ialah Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abd. Rahman, Menteri Pembangunan. — AI.



KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam ketika menerima mengadap Tuan Yang Terutama Menteri Pertambangan dan Energi Republik Indonesia, Bapak Profesor Dr. Subroto.

## MANISNYA IMAN

"TUHANKU! Sesungguhnya Engkau telah mengurniakan kepadaku sebahagian daripada kerajaan dan Engkau telah mengajarkan kepadaku pengertian mimpi. Wahai Pencipta langit dan bumi! Engkaulah Pelindungku yang sebenar di dunia dan di akhirat, wafatkanlah aku sebagai seorang muslim dan hubungkanlah aku dengan orang-orang yang salih." — Makna ayat 101 Surah Yusuf, yang berupa doa Nabi Yusuf (Alaihissalam) kepada Allah.

## PEMBETULAN

Makna ayat dalam Manisnya Iman yang disiarkan dalam keluaran lalu ialah dari Surah Asy-Syu'ra, bukan Surah Ibrahim. Diharap perbetulkan — Penyunting.

## *Dihentikan sementara*

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dewan Bahasa dan Pustaka memaklumkan kepada semua ahli dan pembaca Perpustakaan Bergerak, bahawa sepanjang cuti penggal persekolahan mulai 14 Disember 1984 hingga 3 Januari 1985 Perpustakaan Bergerak Dewan Bahasa dan Pustaka dihentikan buat sementara. Perkhidmatannya akan dibuka semula sebaik-baik saja sekolah dimulakan pada 4 Januari 1985.

## KERAJAAN KEBAWAH DULI YANG MAHA MULIA NAFIKAN SANGKAAN MENGENAI PEMBELIAN SAHAM DALAM SYARIKAT QAF LIMITED

Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak ada mempunyai rancangan atau berniat untuk membeli atau mengambil alih saham dalam mana-mana syarikat perniagaan sama ada secara langsung atau melalui mana-mana Jabatan Kerajaan atau Agensi Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia. Sebarang sangkaan atau anggapan di kalangan stok market dan orang ramai yang Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan mempunyai minat untuk membeli saham-saham dalam badan-badan perniagaan yang ada kaitannya dengan orang-orang di Brunei, sebagai misalan Syarikat QAF Limited dan lain-lain syarikat, adalah sama sekali tidak berasas.

Penafian yang tegas telah dibuat pada hari ini dalam satu kenyataan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan yang mana menambah bahawa sebarang penglibatan oleh ahli-ahli Kerabat Diraja Brunei dalam mana-mana syarikat perniagaan sama ada di dalam mahupun di luar negeri adalah urusan peribadi mereka sendiri dan adalah sama sekali tidak ada kaitannya dengan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

27 November, 1984

## HIS MAJESTY'S GOVERNMENT QUASH SPECULATION OF ANY INVESTMENT IN QAF LIMITED

The Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan of Brunei Darussalam has no proposal or intention to purchase or acquire shares in any commercial company whether directly or through any Government Department or any of the Agencies of His Majesty's Government. Any speculation or presumption in the stock market and among the public that the Government of His Majesty the Sultan and Yang Dipertuan has any interest in acquiring shares in commercial organisations which have connections with persons in Brunei, for example, QAF Limited and any other such companies, has no basis whatsoever.

This strong denial was made today in a statement issued by the Ministry of Finance which went on to say that any involvement by members of the Brunei Royal Family in any commercial company whether inside or outside the country is their own personal matter and has no connection whatsoever with His Majesty's Government.

27th. November, 1984

## Khidmat 'Speedpost' ke G.B.

ADALAH dimaklumkan untuk pengetahuan ramai bahawa Jabatan Perkhidmatan Pos, Kementerian Perhubungan Negara Brunei Darussalam akan mengadakan perkhidmatan **SPEEDPOST** antara Great Britain dan Negara Brunei Darussalam mulai 3 Disember 1984. Keterangan lanjut mengenai perkhidmatan ini boleh didapati dari semua Pejabat-pejabat Pos.

Pelita Brunei

28 NOVEMBER, 1984.

*Dengan nama Allah yang pemurah dan maha penyayang*

## KE ARAH PENGLIBATAN SEPENUHNYA:

## SARANAN KEPADA PEMBORONG-PEMBORONG KITA MELAYU

SEJAUH manakah kemajuan yang dicapai oleh pemborong-pemborong yang terdiri daripada orang-orang kita setakat ini?

Menurut Menteri Pembangunan, Yang Dimuliakan Pehin Orang Kaya Setia Pahlawan Dato Seri Setia Awang Abdul Rahman, bidang pemborongan yang pesat perkembangannya sejak permulaan rancangan kemajuan negara lima tahun yang keempat sekali pun telah banyak diceburi oleh rakyat yang terdiri daripada orang-orang kita tetapi mereka masih belum mencapai taraf yang diharapkan dari segi penglibatan. Menurut Yang Dimuliakan itu, penglibatan yang dimaksudkan ialah pemborongan-pemborongan sepenuhnya oleh mereka sendiri baik dari segi permodalan, pengurusan dan apa jua bentuk penglibatan yang diperlukan oleh aspek-aspek pemborongan.

Sesungguhnyalah perhatian Kerajaan telah banyak ditarik kepada masalah-masalah memajukan orang-orang kita dalam kegiatan kemajuan ekonomi negara. Kerja-kerja pemborongan adalah salah satu daripadanya. Dan tidak syak lagi Kerajaan telah memberi perhatian yang bukan sahaja sungguh-sungguh bahkan juga sangat berhati-hati pada mempastikan penyertaan pemborong-pemborong yang terdiri daripada orang-orang kita Melayu dalam kegiatan pemborongan khasnya yang secara langsung di bawah kelolaan kerajaan.

Mengenai usaha meningkatkan penglibatan yang sepenuhnya di bidang pemborongan, Yang Dimuliakan Menteri Pembangunan menyarankan supaya pemborong-pemborong yang terdiri daripada orang-orang kita Melayu memberi perhatian kepada aspek-aspek penting yang menentukan maju mundurnya penglibatan mereka. Ada dua aspek yang disarankan, pertama ialah pelaburan semula keuntungan yang diperolehi bagi maksud meninggikan lagi mutu pemborongan. Mengenai hal ini Yang Dimuliakan Menteri Pembangunan menasihatkan supaya pemborong-pemborong kita mengubah sikap yang terdapat di setengah-setengah kalangan mereka yang lebih cenderung membelanjakan keuntungan ke arah perkara-perkara yang kurang produktif, sebaliknya mereka hendaklah menanamkan kemahuan ingin lebih maju dan dapat bersaingan dengan pemborong-pemborong bukan Melayu. Aspek kedua ialah pemindahan teknologi, yang mana mereka hendaklah berusaha mempercepatkan dan meningkatkannya terutama dari segi pengurusan dan tenaga kerja di mana setakat ini mereka ada yang masih bergantung kuat kepada rakan kongsi yang bukan Melayu sama ada dari dalam dan luar negeri.

Tidak keterlaluan bagi Yang Dimuliakan Menteri Pembangunan membuat saranan yang sedemikian itu sebab sudah sampai masanya semua pihak yang berkenaan yang sedar akan kepentingan penglibatan sebenar pemborong-pemborong kita Melayu mengambil langkah yang konkrit. Dalam ertikata itu pihak pemborong-pemborong itu sendiri sepatutnya lebih dari cuma berkesedaran. Di pihak Kerajaan langkah yang konkrit telah diambil, umpamanya Kementerian Pembangunan sendiri melalui Jabatan Kerja Raya telah menubuhkan Unit Bimbingan bagi membimbing pemborong-pemborong yang terdiri daripada orang-orang kita Melayu dengan tujuan antara lain untuk melatih dan mengawas kemajuan mereka, yang mana dalam kedudukannya sebagai pembimbing ia boleh dihubungi oleh pemborong-pemborong yang mempunyai masalah dalam pemborongan termasuklah perkara-perkara yang melibatkan aspek teknikal dan kontrak. Selain itu satu skim latihan bagi pekerja-pekerja yang ingin menjadikan pekerja mahir juga telah dibuat. Peringkat pertama skim itu memberi perhatian kepada penempatan pekerja-pekerja di bawah pemborong-pemborong bagi tujuan mempelajari kemahiran dalam jurusan yang mereka berminat. Peringkat kedua pula ialah membimbing pekerja-pekerja yang mendapat kemahiran itu dengan menjadikannya sebagai sub-contractor kepada pemborong-pemborong yang mana pada peringkat ini bimbingan adalah bertujuan bagi melatih mereka dalam kerja-kerja penjagaan atau pengawalan pekerja. Dan seterusnya di peringkat ketiga skim tersebut, Jabatan Kerja Raya akan menjadi pekerja yang mempunyai kemahiran dalam kedua-dua peringkat tadi sebagai sub-contractor kepada pemborong-pemborong lain dalam aspek pemborongan yang menyeluruh, termasuklah penjagaan, mengadakan buruh dan membekalkan bahan-bahan. Pada peringkat tersebut juga mereka dilatih mengenai aspek pembekalan dan pembelian barang-barang iaitu bagi memungkinkan mereka menjadi pemborong yang boleh berdiri sendiri.

Langkah-langkah konkrit seperti yang sedang berjalan itu tentulah memberi harapan. Selain bergantung kepada pelaksanaannya yang sungguh-sungguh dan teliti maka kejayaan matlamat kedua-dua skim tersebut adalah juga tertakluk kepada kesediaan orang-orang kita sendiri untuk mengambil peluang yang baik itu dengan secara titih dan tekun. Orang-orang kita sudah banyak bercakap dan bersuara mengenai apa yang patut Kerajaan lakukan, dan sekarang serta lama sebelum ini Kerajaan telah pun berbuat sesuatu dengan perancangan-perancangan secara profesional selain adanya dorongan dan kesedaran yang tinggi bagi memajukan orang-orang kita sendiri. Maka setentunyalah langkah-langkah Kerajaan itu akan disokong dan disambut baik bukan sahaja oleh pemborong-pemborong yang sudah established dan sedang merangkak-rangkak bahkan juga oleh anak-anak kita yang sedang menuntut dan juga yang sudah keluar dari bumbung-bumbung sekolah di seluruh negara.

SUNTINGAN Khutbah Jumaat yang disampaikan oleh Yang Dimuliakan Pehin Udana Khatib Ustaz Haji Awang Badaruddin bin Pengarah Haji Awang Othman, pada 21 Safar 1405/ 16 November 1984, di Masjid Omar Ali Saifuddin

# BERAMAL DENGAN TAKWA SAMBIL MENGHARAPKAN KEREDAAN ALLAH

WAHAI saudara-saudara seugama, sepegangan dan seikatan.

Marilah kita bertakwa iaitu taatkan Allah Subhanahu Wataala dalam percakapan dan perbuatan, dalam masa bersunyi-sunyi dan dalam masa berterang-terang, dengan melakukan amal ketaatan dan meninggalkan maksiat kejahatan. Mudah-mudahan dengan demikian itu kita akan sentiasa dirahmati Allah di dunia dan akan beroleh rahmat-Nya di akhirat.

Mengenai rahmat Allah Subhanahu Wataala atau belas kasihan Allah ini, Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam memberitahu sahabat-sahabat Baginda bahawa amal seseorang itu tiadalah bulat-bulat menjamin untuk memasukkannya ke syurga dan tiada juga bulat-bulat menjamin menghindarkannya dari neraka. Baginda sendiri sabdanya, tidak masuk syurga semata-mata dengan sebab amal Baginda melainkan jua dengan belas kasihan Allah Taala iaitulah rahmat-Nya.

### BERGANTUNG KEPADA KEHENDAK ALLAH

Hadis Baginda ini tidaklah bertujuan memperkecilkan-kecilkan kepentingan beramal. Ia menjelaskan bahawa sungguhpun amal perbuatan, usaha dan khidmat seseorang itu menjadi sukat-sukat perihal keberuntungan yang telah atau yang seterusnya akan diperolehinya, atau perihal kecelakaan yang telah atau yang akan menimpanya, akan tetapi perlulah diingat bahawa keberuntungan atau kecelakaan seseorang itu bergantung kepada kehendak Allah. Yakni Allah Subhanahu Wataala yang ampunya takdir, Dia yang ampunya hak pada menentukan kehendak dan keputusan-Nya dengan segala sifat-sifat kesempurnaan-Nya.

Maka dalam hal syurga dan neraka hubaya-hubayalah jangan ada siapa yang terpedaya, jangan ada siapa yang mudah ragap hati sehingga terlampau percaya yang ia atau seseorang itu berhak menjadi ahli syurga kerana ia orang taat, ia atau seseorang itu patut dihindarkan daripada neraka semata-mata kerana ia orang salih. Sebab memasukkan ke syurga dan menghindarkan seseorang itu daripada neraka adalah urusan Allah, tiada yang layak campur tangan atau merasa berhak. Kita cuma layak mengharap sambil berusaha, kita cuma layak memohon, bukan menuntut dan memaksa diberi atau dianugerahi. Maka yang kita harapkan ialah akan mendapat rahmat dan belas kasihan Allah. Lalu sambil berusaha dengan berbuat taat dan beramal salih kita jangan lupa memohon keredaan-Nya, kita pohonkan keampunan-Nya dan seterusnya rahmat-Nya. Ya! Dengan rahmat-Nya jualah kita akan beroleh keberuntungan dan terhindar daripada kecelakaan di dunia, manakala dengan rahmat-Nya jualah kita berharap akan berkesudahan dengan menjadi ahli syurga pada hari akhirat nanti.

### CARA MENDAPATKAN RAHMAT

Wahai kaum Muslimin!

Untuk mendapat limpah rahmat Allah Taala itu antaranya ialah dengan selalu ingatkan Allah, berzikir mengingat kekuasaan-Nya, dengan bertasbih mengiktiraf dan mensucikan-Nya daripada sebarang sekutu, bertahmid dengan memuji-muji kemuliaan serta kemurahan-Nya yang tiada bandingan, dan beristighfar memohon keampunan dan keredaan-Nya.

**"......untuk kekal insya-Allah sebagai masyarakat yang insaf, bangsa yang takwa, kerajaan yang mustaqim, negara yang bertuhankan Allah iaitu dalam corak dan isi selaku negara Melayu Islam Beraja di bawah kepimpinan yang bijaksana lagi salih Sultan dan Yang Dipertuan kita."**

Maksud firman Allah dalam Surah Al-Ahzab ayat 41 dan 42, Allah memerintahkan orang-orang beriman supaya banyak berzikir mengingat Allah dan bertasbih mensucikan-Nya, sebab Allah Taala telah banyak mengurniakan berbagai-bagai nikmat dan berbagai-bagai perkenan. Sesungguhnya berzikir dan bertasbih itu mendatangkan banyak pahala serta membawa pula kepada kesudahan yang elok.

Sebaliknya Allah Subhanahu Wataala mengingatkan bahawa orang-orang yang enggan daripada berzikir, menyangkal akan kurnia nikmat dan perkenan Allah pasti akan memperoleh dan menempuh kehidupan yang sempit, yang sukar dan sulit. Dan pada hari kiamat ia dibangkitkan dalam keadaan buta. Iaitu saperti maksud firman Allah dalam Surah Taha ayat 124.

### LAFAZ ZIKIR

Adapun lafaz zikir yang juga mengandungi tasbih, tahmid, tahlil serta takbir antaranya ialah sebagaimana yang diajarkan oleh Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam dalam suatu riwayat petikan Al-Imam Ahmad dan Al-Imam Muslim. Ertinya: "Perkataan yang paling disukai Allah Taala ada empat, iaitu 'Subhanallah', 'Alhamdulillah', 'La ilaha illallah' dan 'Allahu akbar'. Tiadalah mudarat kepadamu jika memulakannya dengan mana-mana jua di antaranya."

Seterusnya Baginda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam ada menyebut bahawa barangsiapa yang selepas tiap-tiap bersembahyang mengucapkan 'Subhanallah' sebanyak tiga puluh tiga kali, 'Alhamdulilah' sebanyak tiga puluh tiga kali, 'Allahu akbar' tiga puluh tiga kali — yang kesemuanya itu berjumlah sembilan puluh sembilan kali dan dicukupkan seratus dengan mengucapkan: 'La ilaha illallah wahdahu la syarika lahu, lahul mulku walahul hamdu wahua ala kulli syaien qadir', maka diampunkan Allah akan kesalahan-kesalahannya sekali pun kesalahan-kesalahan itu sepekat dalamnya lautan.

Adapun beristighfar iaitu memohon keampunan Allah ia mempunyai fadhilat yang tersendiri. Firman Allah dalam Surah Nuh ayat 10, 11 dan 12 bermaksud: "Pohonkanlah keampunan Allah, Tuhan kamu. Sesungguhnya Dia maha pengampun. Akan dikirim-Nya kepada kamu awan menurunkan hujan yang lebat, dan diberinya kepada kamu kekayaan serta anak pinak dan dijadikan untuk kamu kebun-kebun dan sungai-sungai."

### HASIL ISTIGHFAR

Mengenai firman Allah dalam perkara beristighfar ini, almarhum Doktor Abdul Halim Mahmud, bekas Syaikhul Azhar menyimpulkan bahawa beristighfar itu bukan sahaja membuahkan dan menghasilkan keampunan Allah bahkan juga mendatangkan kesuburan kepada tumbuh-tumbuhan serta ternakan, menyebabkan luasnya mata pencarian lalu mendatangkan kekayaan serta anak pinak, mendatangkan kemakmuran dan kemewahan. Dan lebih dari itu ialah ia juga menambahkan kekuatan mengukuhkan lagi keteguhan. Seterusnya istighfar itu juga menghindarkan daripada timpaan mala-petaka azab di dunia.

Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam ada menjelaskan fadhilat atau kelebihan beristighfar, sabda Baginda yang bermaksud: "Siapa yang melazimkan istighfar yakni sentiasa memohon keampunan Allah nescaya Allah akan jadikan untuknya jalan keluar dari setiap kemurungan serta kesempitan, dan akan mengurniakannya rezeki daripada punca yang tidak diduganya."

Wahai kaum Muslimin!

Berzikir ingatkan Allah dengan bertasbih mengucap 'Subhanallah' bertahmid mengucap 'Alhamdulillah', bertahlil mengucap 'La ilaha illallah', bertakbir mengucap 'Allahu akbar', beristighfar mengucap 'astaghfirullah' — kesemuaya itu adalah suatu wasilah atau jalan dan cara mendampingkan diri kepada Allah dan mentaati Allah. Sesungguhnya kesemua itu merupakan doa kepada Allah. Dan doa itu pula terang-terang disebut sebagai 'miftahul jannah' yakni kunci rahmat Allah Taala. Maka berdoa dalam bentuk zikir dan seumpamanya itu adalah tepat bagi memohon dan mendapatkan rahmat Allah yang berupa perlindungan dan jaminan keselamatan dari sebarang bahaya serta ancaman, yang berupa perkenan ke atas hajat, hasrat dan harapan.

Sebagai doa maka kesemuanya itu tidaklah terhad pada waktu-waktu di dalam kesusahan dan kesempitan, tidak cuma dalam masa kepupungan ketika ditimpa mala-petaka fitnah atau bencana huru-hara, bahkan sebagaimana sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam yang bermaksud bahawa siapa yang inginkan doanya dimakbulkan pada waktu-waktu susah dan bencana maka hendaklah ia membanyakkan doa dalam masa senang dan aman.

### BERDOA DALAM MASA SENANG

Maka ternyata pula bahawa berdoa dengan cara berzikir dan seumpamanya itu tiadalah terhad cuma kepada orang-orang yang susah, yang menderita hidupnya dan picik rezekinya; bahkan jua bagi orang-orang yang senang, yang mewah supaya ia dipelihara Allah daripada berbagai-bagai bahaya dan ancaman, supaya ia diberkati

Lihat muka 16

# PEMIMPIN MASYARAKAT SETEMPAT

## 'Penghulu, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang mempunyai fungsi yang sama'.



**KEBAWAH Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan ketika bertitah di Majlis Kesyukuran di Lapau anjuran Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara.**

Oleh: Jahri Haji Abd Latif

ANTARA Penghulu, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang — Penghululah yang mempunyai tugas dan tanggungjawab yang amat luas. Ini oleh kerana Penghulu mempunyai tanggungjawab yang menyeluruh terhadap hal-ehwal mukim yang mengandungi beberapa buah kampung di samping menjadi penasihat dan pengawas kepada Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang di bawah jagaannya.

Bagaimanapun Penghulu, Ketua Kampung begitu juga Ketua Rumah Panjang mempunyai fungsi yang sama di sisi masyarakat iaitu sebagai pemimpin setempat yang perlu menyelesaikan berbagai-bagai masalah dan perkara-perkara berbangkit dalam mukim atau kampung di mana mereka itu berada.

Pendek kata, kemakmuran dan keamanan sesebuah mukim atau kampung itu adalah terletak di bahu Penghulu, Ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang kerana itu mereka perlulah sensitif terhadap hal-ehwal yang berlaku di sekeliling mereka sejajar dengan sifat mereka sebagai 'mata dan telinga Kerajaan.'

Adalah difahamkan di negara kita ini terdapat 35 orang Penghulu, 141 orang Ketua Kampung dan 37 orang Ketua Rumah Panjang yang telah diperkenankan oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan untuk menjawat jawatan tersebut.

### SYARAT-SYARAT LANTIKAN

Menurut buku kecil Syarat-syarat Lantikan Penghulu, Ketua-Ketua Kampung Negeri Brunei 1973 menyatakan bahawa lantikan kedua-dua jawatan itu diperbuat oleh Yang Teramat Berhormat Penasihat Umum Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan atas nama dan bagi pihak Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.

Atas lantikan itu mereka dengan sendirinya adalah pegawai-pegawai Kerajaan yang diletakkan di bawah pentadbiran Pegawai Daerah.

Sebagai pegawai-pegawai Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan, Penghulu-penghulu sebenarnya diberi kuasa untuk memutuskan dalam perkara pertikaian mengenai adat resam kaum atau puak yang ditetapkan di mukim masing-masing dan boleh menjatuhkan hukuman tidak lebih $50.00 kecuali memutuskan kesalahan-kesalahan yang bersabit dengan hukum-hukum Islam atau kesalahan-kesalahan jenayah dan lain-lain kesalahan yang tertakluk kepada undang-undang yang sedia ada.

Kuasa-kuasa dan tugas-tugas Penghulu menurut buku tersebut:

* Penghulu bertanggungjawab mengawasi Ketua-ketua Kampung dalam mukimnya.
* Sanggup menerima dan menjalankan dengan sempurna semua tugas-tugas yang diberikan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sutlan dan Yang Dipertuan menurut peraturan-peraturan tertentu.
* Bertindak sebagai penasihat Ketua-ketua Kampung serta anak-anak buah dalam mukimnya masing-masing; istimewa pada mengawasi tugas-tugas Ketua Kampung.
* Bekerja dan berdamping rapat dengan pasukan keselamatan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan dan pasukan keselamatan Baginda Queen yang bertugas di Kampung-kampung dalam kawasan mukim masing-masing.
* Sentiasa berunding dan bermuafakat dengan Ketua-ketua Kampung serta anak-anak buah dalam mukim masing-masing mengenai apa jua perkara yang mendatangkan kebajikan, kesentosaan terutama sekali keselamatan dan keamanan dalam mukim masing-masing.
* Memberi bantuan untuk menolong pegawai-pegawai Kerajaan yang menjalankan tugas di dalam kawasan mukimnya.
* Mengetahui selok-belok pekerjaan anak-anak kampung dalam mukimnya, misal: bertani, menangkap ikan, bertukang dan seumpamanya dan diharapkan boleh menasihat anak-anak kampung dalam bidang-bidang tersebut.
* Sentiasa memimpin anak-anak buah kampung di dalam mukim masing-masing ke arah usaha-usaha bagi meninggikan taraf hidup mereka selaras dengan kehendak-kehendak dan peraturan-peraturan Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.
* Membuat laporan mengenai keadaan mukim masing-masing atau anak-anak kampung dalam kawasan mukim yang diawasi di bawah tajuk-tajuk tertentu mengikut sebagaimana yang akan diperintahkan oleh Pegawai Daerah. Laporan ini hendaklah dihadapkan menurut sebarang jangka waktu yang diperlukan.

### PENDATANG LUAR

Bagi tugas-tugas Ketua Kampung pula tidak jauh bezanya dengan Penghulu bagaimanapun Ketua Kampung dikehendaki membuat laporan mengenai keadaan kampung di bawah jagaan mereka kepada Penghulu, Pegawai Daerah dan pihak Polis terutama berhubung dengan pendatang luar, peristiwa atau keadaan yang luar biasa, sama ada yang telah berlaku atau dijangka akan berlaku.

Di samping itu tugasnya yang lain seperti membuat dan menyimpan rekod tentang keadaan dalam kampung, misalnya: ramai bilangan anak buah, berapa buah rumah, hasil-mahsul serta keadaan am sekalian anak buah dan kawasan kampung.

Memandangkan perhubungan Penghulu dan Ketua Kampung begitu rapat antara rakyat dan Kerajaan di mana mereka disifatkan sebagai 'pegawai perantaraan' kedua belah pihak, maka sudah tentu Penghulu dan Ketua Kampung mudah menerima segala sungutan dan masalah rakyat berkaitan dengan kehidupan mereka. Oleh kerana itu adalah menjadi tanggungjawab Penghulu dan Ketua Kampung, segala sungutan dan masalah itu akan disampaikan kepada pihak Kerajaan bagi membolehkan Kerajaan mengambil langkah-langkah merancang segala keperluan untuk memperbaiki kalaupun tidak dapat mengatasi dan menyelesaikan sepenuhnya masalah tersebut, sesuai dengan kemampuan yang ada pada Kerajaan.

### PEGAWAI PERANTARAAN

Ke arah mempastikan Penghulu dan Ketua Kampung dapat berfungsi sebagai 'pegawai perantaraan', Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan sendiri pernah menekankan peri mustahaknya Penghulu dan Ketua Kampung mewujudkan jalinan muhibah dengan perasaan bertanggungjawab, tolak ansur, jujur, amanah serta saling faham-memahami di antara Kerajaan Baginda dengan rakyat supaya sebarang masalah dan kesulitan, termasuklah juga cadangan-cadangan yang berkebajikan daripada rakyat dan penduduk-penduduk mukim dan kampung dapat diketahui dan dibawa terus ke pengetahuan pihak yang berkenaan melalui saluran yang sihat untuk tindakan yang bersesuaian.

"Adalah diharapkan dengan cara ini, akan dapat lagi menolong melicinkan pentadiran Kerajaan Beta sebagaimana yang dihajatkan," titah Baginda sempena Majlis Kesyukuran Ulang Tahun Hari Keputeraan Baginda yang ke-36 anjuran Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung Daerah Brunei dan Muara.

Di samping itu, Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan pernah juga mengingatkan Penghulu dan Ketua Kampung supaya sentiasa bersikap tegas dalam mempastikan perjalanan peraturan-peraturan yang telah dikuatkuasakan oleh Kerajaan Baginda, dan tidak akan teragak-agak dalam membuat sesuatu keputusan yang difikirkan berpatutan setelah membuat penelitian yang sehalus-halusnya.

"Sikap tegas dengan pertimbangan yang adil itu," jelas Baginda, "dengan izin Allah, akan dapat menjamin peraturan-peraturan yang telah dikuatkuasakan tersebut mendapat kebajikan, dihormati serta dipatuhi oleh semua rakyat dan penduduk."

### 'KACAU DAUN'

Bagaimanapun sebagai pemimpin kepada berbagai-bagai lapisan masyarakat, memang tidak dinafikan Penghulu dan Ketua Kampung akan berdepan dengan berbagai-bagai golongan dalam kumpulan yang berbeza. Ada orang yang berlemah-lembut dan tidak kurang pula dengan orang yang garang, keras kepala dan suka 'kacau daun.' Maka dalam keadaan yang demikian Penghulu dan Ketua Kampung bukan sahaja akan bersikap tegas seperti yang dititahkan oleh Baginda itu tetapi juga Penghulu dan Ketua Kampung seharusnya mempunyai sifat-sifat sabar, adil, bertimbang rasa, dedikasi serta diplomasi yang baik.

Insya-Allah dengan mempraktikkan sifat-sifat tersebut Penghulu dan Ketua Kampung akan dapat memimpin dan memandu kehidupan rakyat dan penduduk di bawah pimpinan mereka ke arah kehidupan yang sejahtera lagi berkebajikan seperti yang dihasratkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan.



**PENGHULU-penghulu dan Ketua-ketua Kampung sedang junjung ziarah ke hadapan majlis Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan semasa Majlis Kesyukuran sempena ulang tahun Baginda bertempat di Lapau.**



**SALAH satu majlis taklimat yang pernah diadakan antara Penghulu-penghulu dan Ketua-ketua Kampung dan Ketua Rumah Panjang dengan Pegawai-pegawai Kanan Kerajaan di Bilik Persidangan Pejabat Daerah Temburong.**

YANG DIMULIAKAN PEHIN DATU SERI MAHARAJA MENULIS....Siri ke-253



# TANDA-TANDA KECIL HARI KIAMAT

## (Sambungan)

**17) Petrol di Iraq dan Berbunuhan Padanya:**

Petrol, benzin dan gas dan minyak tanah, yang dikeluarkan dari bumi sekarang, dan dibakar merata-rata dunia, di dalam motokar-motokar, dalam kapal-kapal, di kapal-kapal terbang, enjin-enjin, kilang-kilang besar dan kecil, mesin-mesin biji-bijian, mesin-mesin roti, mesin-mesin kayu dan lain-lain beribu-ribu macam, dan dapur-dapur masak dalam rumah dan enjin-enjin elektrik semuanya ada tersebut dalam perkara tanda-tanda hari kiamat. Dan Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah mengkhabarkan di mana ada lombongnya dan telaga-telaganya, dan itu petrol dinamakan dia emas, dan orang sekarang namakan petrol itu emas hitam.

Satu perkara yang ajaib iaitu dalam setengah-setengah riwayat Hadis ada menamakannya dengan nama kanzun (pertaruhan atau khazanah) yang bukan ia emas dan bukan ia perak. Dalam Quran Surah At-Thur ayat 6 dan Surah At-Takwir ayat 6.

Tafsirannya: "Apabila laut itu dinyalakan."

Sebagaimana ditafsirkan oleh Saidina Ali, Ibnu Abbas, Mujaahad, Saad bin Jubir, Ubai bin Umai dan lain-lain dari satu kumpulan daripada Ulama-Ulama Tafsir yang besar-besar daripada Ulama Salaf.

Petrol itu ialah lautan yang tersembunyi di dalam perut bumi dan Ulama Ubai bin Kaab, Ibnu Abbas, Abu Al-Aliah dan lain-lain dari satu kumpulan Ulama Salaf berkata bahawa itu berlaku pada masa di dunia sebelum akhirat, mereka berkata bahawa Allah telah sebutkan dalam surah Takwir dua belas tanda: Enam tanda berlaku masa di dunia, dan enam tanda yang lain berlaku masa di akhirat, maka yang akan berlaku di dunia ialah yang akhirnya ialah: Seperti disebutkan dalam ayat 6 (At-Takwir) dan lepas ayat 6 At-Takwir itu adalah perkara-perkara yang akan berlaku di akhirat sebagaimana yang diriwayatkan oleh Al-Imam Ibnu Jarir dan Ibnu Abi Hatam, maka yang berlaku di dunia dari tanda-tanda hari kiamat ialah lautan minyak, tiada dapat dikeluarkan dari perut bumi melainkan pada zaman sekarang, yang telah zahir tanda-tanda hari kiamat seperti Firman Allah: (Ayat 4 At-Takwir) iaitu unta dibiarkan kerana telah ada kenderaan motokar dan Firman Allah (Ayat 5 surah At-Takwir) iaitu binatang-binatang dihimpunkan. Yakni sekarang orang-orang menghimpunkan binatang dengan berbagai-bagai jenis di kebun-kebun binatang di serata dunia.

Bahawa petrol yang dinamakan dia emas hitam itu adalah bahawa Nabi Salallahu Alaihi Wassalam telah mengkhabarkan dengannya, dan Baginda telah mengkhabarkan tempat-tempat petrol itu keluar pada tanah Iraq, pada tanah Parsi, pada tanah Najad dan lain-lain tempat berhampiran dengan tempat-tempat itu sebagaimana Baginda khabarkan tempat-tempat petrol itu dekat dengan tanah Hijaz iaitu Mekah dan Al-Madinah, dan Baginda telah namakan dia suatu Kunzun (Khazanah) yang bukan emas dan bukan perak. Maka tiadalah syak lagi bahawa petrollah yang dikehendakan Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam.

Dalam sahih Al-Bukhari daripada sahabat Abu Hurairah berkata: Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam telah bersabda: Ertinya: "Hampir-hampir sungai Furat di Iraq itu akan kering mengeluarkan khazanah (Kanzun) dari emas, maka barangsiapa hadir di situ janganlah ia ambil sesuatu daripadanya."

Diriwayatkan oleh Al-Imam Muslim dalam Al-Sahih dari wajah yang lain daripada sahabat Abi Hurairah dengan lafaz: Ertinya: "Tiadalah bangkit hari kiamat sehingga sungai Furat di Iraq itu kering mengeluarkan bergunung-gunung emas, berbunuh-bunuh manusia padanya sehingga 99 orang dari tiap-tiap 100 orang."

Al-Imam Muslim telah meriwayatkan dari Hadis Uba bin Kaab telah berkata: "Saya mendengar Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam bersabda: "Hampir sungai Furat di tanah Iraq itu akan kering, mengeluarkan ada bergunung-gunung emas, apabila ianya didengar oleh manusia maka mereka akan pergi melihat gunung-gunung emas itu, dan orang-orang yang datang ke tempat itu berkata: "Jikalau kita biarkan orang-orang mengambil gunung-gunung emas itu, nescaya habis gunung-gunung emas itu." Maka mereka berlumba-lumba pada merebut gunung-gunung emas itu sehingga mereka berkelahi dan berbunuh-bunuh dan pada tiap-tiap 100 orang terbunuh 99 orang."

Beginilah diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dalam Musnad dari Hadis Ubai bin Kaab, begitu juga diriwayatkan oleh Al-Imam-Al-Imam Ahmad dan At-Termizi dari Hadis Abi Hurairah, semua mereka menyebutkan lafaz (Al-Kanzun) pada mula-mulanya, kemudian mereka sebutkan riwayat yang menyebutkan Al-Jabal (gunung), melainkan riwayat Al-Imam Ahmad pada banyak riwayat-riwayatnya menyebutkan banyak yang mati apabila berlaku peperangan berhubung dengan merebutkan petrol itu.

Perhatikan lafaz (Laen taranan nasa yakkhuzuna minhu layazhabanna bihi kullihi) itu, ialah menunjukkan petrol itu akan dimilik negarakan sebagaimana sekarang, dan mestilah juga akan berlaku peperangan merebut petrol-petrol itu, apabila berlaku peperangan maka berlakulah dengan menggunakan bom-bom atom. Tiadalah selamat melainkan seorang daripada seratus orang dan tanda-tanda perbalahan di antara Russia dengan Amerika sedang berlaku.

Ini hal petrol tanah Iraq, dan Iran itu sebagaimana dari tanah Iraq bahkan dia ialah Iraqul Ajam. (Peperangan Iraq dan Iran sekarang satu dari tanda-tanda hampir kiamat kerana berebut hasil minyak petrol yang disebutkan sebagai emas hitam).

**18) Petrol Iran dan Peperangan**

Adapun Petrol Iran, maka telah diriwayatkan oleh Abu Ghanaim al-Kufi dalam kitab Al-Fitan dari Hadis Saidina Ali Alaihis Salam telah berkata: "Waihan littaliqaan, fainna lillahi fihi kunuzan laisat min zahabin fidhdhah." "Bukan dari jenis emas dan perak."

Taaliqan itu ada di dalam kawasan Tasik Kaspian dan di sana ada petrol. Perhatikan perkataan (Di sana terdapat perbendaharaan yang bukan emas — perak) hairan, bagaimana berterang-terang lafaz itu menunjukkan di sana ada benzin dan petrol.

Adapun petrol tanah Najd dan Basrah, maka dalam Mustadrak bagi Al-Imam Al-Hakim dari Hadis sahabat Abdullah bin Amru bin Al-As telah berkata: Ertinya: "Akan keluar berbagai-bagai lombong, satu dari lombong-lombong itu ialah lombong yang dekat dari tanah Hijaz didatangi oleh orang-orang jahat."

Erti Hijaz itu Jeddah, Mekah, Al-Madinah dan kawasan-kawasan berhampiran dengannya. Hadis ini sekalipun ia muquf, dia boleh dihukumkan Hadis Murfuk, telah datang Hadis Murfuk yang berterang-terang menyatakannya, dengan tiada menentukan tempatnya.

Telah diriwayatkan oleh Al-Imam Ahmad dalam Al-Musnad dari Hadis seorang laki-laki dari Bani Sulaim telah mendengar Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam bersabda: Ertinya: "Akan ada lombong-lombong akan disediakan oleh orang-orang jahat."

Al-Imam At-Tabarani telah meriwayatkan dalam Al-Ausat dari Hadis Abi Hurairah telah berkata: Sabda Rasulullah Salallahu Alaihi Wassalam: Ertinya: "Tiada akan bangkit hari kiamat sehingga keluar lombong-lombong yang banyak, tiada diam di situ melainkan orang-orang yang hina di dunia."

Itulah dia lombong-lombong petrol, yang keluar zaman sekarang hampir hari kiamat. Adapun lombong-lombong emas perak adalah didapati dari awal dunia dengan banyak, kerana emas itu banyak didapati oleh orang-orang dahulu.

Yang menguatkan erti lombong petrol ialah sabda Rasulullah yang ertinya (disediakan oleh orang-orang jahat) kerana lombong-lombong petrol itu tiadalah sejahat-jahat manusia, dan sabda Rasulullah: Yang bererti (disediakan) dalam Hadis berkenaan, maksudnya: "Disediakan bagi digunakan dan menjadikan benzin itu boleh digunakan ketika ia telah disediakan."

Dan ayat Quran yang menunjukkan pada adanya petrol itu ialah Firman Allah: (Surah Az-Zalzilah ayat 1 — 2)

"Kerana bermillion tan petrol dikeluarkan dari perut bumi, dan dia adalah alat-alat yang berat dan ditembusi akan perigi-perigi petrol itu," dan (Ayat 3 dalam surah Az-Zalzilah) menggambarkan manusia hairan begitu banyak dikeluarkan oleh bumi akan benzin dan gas dan ketika itu akan bangkit hari kiamat atau apabila bumi itu gempa bergoncang-goncang, sebagaimana telah Allah janjikan iaitu gempa yang banyak berlaku pada akhir zaman, sebagaimana sabda Rasulullah: Ertinya: "Banyak berbangkit gempa pada akhir zaman."

Sebagaimana tersebut dalam banyak Hadis-Hadis sahih yang berbagai-bagai, yang akan banyak berlaku gempa ketika banyak bumi mengeluarkan benda-benda yang berat seperti benzin dari bumi itu, dan manusia berkata mengapa banyak gempa, (sebagaimana sekarang berlaku gempa demi gempa yang memeranjatkan manusia). Ini semuanya berlaku dan tunggu akan berlaku lagi. Kerana masa pada nisbah kepada Allah adalah ia satu jua dan Allah menghimpunkan berbagai-bagai perkara yang jauh dan dihadirkan benda-benda itu pada satu masa supaya berlaku benda-benda itu.

WALLAHUAKLAM

(Bersambung)



BANGUNAN Pusat Dakwah Islamiah yang baru siap.

# Pusat Dakwah Islamiah siap dibina

BANDAR SERI BEGAWAN. — Kompleks Pusat Dakwah Islamiah yang terletak di Kampong Pulaie kini telah siap pembinaannya.

Kompleks yang menelan belanja kira-kira $17 juta itu dibina pada tahun 1981 dan dijangka akan dibuka rasmi pada tahun hadapan.

Pemeriksaan terakhir bangunan tersebut telah dilakukan oleh beberapa orang pegawai dari Jabatan Hal Ehwal Ugama, Jabatan Kerja Raya dan Unit Perancang Ekonomi yang diketuai oleh YDM Pehin Siraja Khatib Dato Paduka Seri Setia Ustaz Awang Haji Yahya bin Haji Ibrahim, Timbalan Pengetua Pegawai Hal Ehwal Ugama untuk mengenal pasti ianya menurut sebagaimana yang dirancangkan.

## Waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit

**WAKTU-waktu sembahyang, imsak dan matahari terbit bagi Daerah Brunei-Muara, Tutong dan Temburong mulai dari hari Rabu 28 November, 1984 hingga ke hari Selasa 4 Disember, 1984 adalah seperti di bawah ini : —**

| HARI BULAN | ZUHUR | | ASAR | | MAGHRIB | | ISYAK | | IMSAK | SUBUH | | MATA-HARI TERBIT |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | Mulai | Berakhir | | Mulai | Berakhir | |
| 28–30 | 12.13 | 3.31 | 3.32 | 6.09 | 6.10 | 7.24 | 7.25 | 4.53 | 4.39 | 4.54 | 6.11 | 6.12 |
| 1– 4 | 12.15 | 3.33 | 3.34 | 6.11 | 6.12 | 7.25 | 7.26 | 4.55 | 4.41 | 4.56 | 6.13 | 6.14 |

**Waktu-waktu sembahyang dan imsak bagi Daerah Belait hendaklah ditambah tiga minit pada tiap-tiap waktu. Sembahyang Jumaat di seluruh Negara Brunei Darussalam dimulai dari pukul 12.45 tengah hari.**

## RALAT

TULISAN YDM Pehin Datu Seri Maharaja keluaran 7 November di bawah tajuk Tanda-Tanda kecil Hari Kiamat ruang dua para akhir sekali perkataan 'salilab' hendaklah dibaca "Tha'laf.

Manakala pada keluaran 21 November juga ruang dua para yang akhir perkataan-perkataan 'alam' dalam para tersebut hendaklah dibaca "ilmu". — Penyunting.

# Orang Islam boleh pakai perhiasan yang mahal-mahal..




# Tapi bukan itu tujuan hidup

**MARILAH kita terus-menerus meningkatkan takwa kita kepada Allah dengan sebenar-benar takwa, dengan mengerjakan apa-apa jua suruhan-Nya dan menjauhi apa jua larangan-Nya.**

Dalam khutbah kali ini marilah kita ikuti huraian tentang pentingnya kita menyempurnakan hidup di dunia ini dengan sebaik-baiknya. Dalam mempersiapkan bekalan untuk kehidupan di akhirat dengan melakukan amal kebaikan dan mencapai husnul khatimah.

### HIDUP SEMENTARA

Meskipun hidup di dunia ini hanya sementara dan akhirnya akan fana binasa, tetapi satu hal yang sudah nyata, dunia ini adalah semacam arena atau gelanggang tempat manusia berusaha, berjuang dan beramal, untuk mencapai kebahagiaan dan kenikmatan hidup sekarang dan masa akan datang. Ajaran Islam menyuruh supaya manusia mempergunakan hidup di dunia ini dengan sebaik-baiknya asal sahaja melalui jalan yang halal, tidak merugikan orang lain dan masyarakat, menjaga batas-batas yang telah ditentukan oleh Islam, seperti jangan berlebih-lebihan dan melampaui batas seperti membazir dan seumpamanya.

Setiap orang Islam dibolehkan mengecap kenikmatan dan kesenangan hidup di dunia ini, asal sahaja menurut ketentuan-ketentuan dan batas-batas yang dihuraikan di atas tadi. Setiap orang Islam boleh makan makanan yang lazat-lazat, boleh memakai pakaian-pakaian dan perhiasan-perhiasan yang mahal-mahal harganya, boleh memiliki kereta yang bagus-bagus, boleh mempunyai rumah yang besar-besar dan indah. Tetapi semua itu janganlah sampai menjadi tujuan hidup, bahkan hendaklah hanya sebagai jambatan untuk mencapai kenikmatan di hari akan datang.

### PERSIAPAN

Tegasnya, setiap orang Islam hendaklah berusaha untuk mencapai kesenangan hidup di dunia di samping mempastikan segala syarat-syarat yang diperlukan untuk mendapat syarat yang hakiki dalam kehidupan di akhirat kelak.

Adapun tentang mempersiapkan bekalan untuk akhirat, setiap orang Islam hendaklah memberikan keutamaan dalam setiap usaha dan amalannya. Firman Allah Taala dalam surah Al-Qasus ayat 77 yang kira-kira bermaksud:

*"Dan tuntutlah olehmu pada apa yang telah dikurniakan Allah kepadamu (kebahagiaan) negeri akhirat, dan janganlah engkau lupakan bahagianmu dari (kesenangan) dunia ini."*

Dari ayat tersebut dapat difahamkan bahawa keutamaan usaha dan perjuangan hidup hendaklah diletakkan pada mempersiapkan bekalan untuk kebahagiaan di akhirat tanpa mengabaikan kesenangan-kesenangan hidup di dunia ini.

Mengatur kedua-dua kepentingan ini menurut kedudukan yang sejalan dan sesuai adalah salah satu tuntutan ugama kepada kita.

### PETUNJUK

Kedua-dua kepentingan itu haruslah sejalan dan sejajar, dan atas matlamat tersebut itulah pula maka Allah Taala memberikan petunjuk dalam Quran supaya kaum Muslimin sentiasa memohonkan doa. Sebahagiannya diterangkan dalam surah Al-Baqarah ayat 201 yang berbunyi: *"Ya Tuhan, kurniakanlah kepada kami kebaikan (membahagiakan) dalam kehidupan di dunia dan kebaikan (kebahagiaan) hidup di akhirat, dan selamatkanlah kami dari azab api neraka."*

Tetapi doa yang kita panjatkan itu tidaklah cukup dengan kata-kata dan harapan semata-mata, tetapi mesti dibuktikan dengan amalan. Sebab janji Allah itu di sini letaknya, sebagaimana isyarat dalam Quran, jika Allah berseru kepada orang beriman *Yaayyuhal lazi na amanu* tidaklah putus setakat itu sahaja, melainkan lazim diikuti dengan *Waamilussalihat*, yang menjadikan maknanya, *"Wahai orang-orang yang beriman dan mengerjakan amal salih."* Kedua-duanya tidak terpisah, sebab amal kebajikan yang terkandung dalam percakapan dan perbuatan dan niat, lebih-lebih lagi amalan fardu itu. Inilah dia disebut rahmat dan cara menyucikan seseorang hamba, menghilangkan dan menghapuskan dosa dan kejahatan, sebagaiman firman Allah dalam Quran yang kira-kira bermaksud: *"Sesungguhnya perbuatan-perbuatan kebajikan itu akan menghapuskan perbuatan-perbuatan yang jahat."*

### HUSNUL KHATIMAH

Mengenai pentingnya usaha ke arah mencapai husnul khatimah pula, maka setiap orang Islam patutlah mengharapkan dapat mencapainya iaitu mati dalam keadaan menghembuskan nafas yang terakhir dalam suasana yang penuh dengan rahmat, dan kasih dan ampunan Allah. Kepergiannya bukanlah sahaja dalam suasana tersenyum kerana akan menghadapi Allah Subhanahu Wataala, tetapi juga dilepaskan oleh keluarga dan masyarakat sekitarnya dengan perasaan reda, yang diliputi oleh kenang-kenangan orang ramai terhadap kebaikan-kebaikan sewaktu hidupnya.

Jika kematian itu diumpamakan sebagai istirehat dari kesibukan dan perjuangan hidup di dunia ini, maka biarlah istirehat itu dalam keadaan tenang dan tenteram, kerana dapat membawa kumpulan amal kebajikan yang akan menemaninya di alam barzakh sedangkan masyarakat yang tinggal akan merasakan kehilangan seorang yang selalu berbuat kebaikan terhadap sesama manusia. Kematian yang demikianlah yang disebutkan husnul khatimah itu.

Demikianlah, mudah-mudahan hal ini dapat kita fahami dan lakukan untuk mencapai kebahagiaan di dunia dan lebih-lebih lagi di akhirat. Pastikanlah kita, selaku pengembara, kita dapat membawa dan menyediakan bekalan-bekalan yang berguna, firman Allah Taala yang tafsirnya,

*"Sebaik-baik bekalan itu ialah ketakwaan, ketaatan kita kepada Allah, melalui amal salih, amal fardu dan amal sunat yang dilakukan oleh anggota sebagaimana syarak menghendakinya, sembahyang dengan kaifiat sembahyang, puasa secara puasa, berzakat cara berzakat, haji kaifiat haji dan berzikir dan berdoa kaifiat zikir dan doa, yang pokoknya sempurnakan amal fardu dan tambah dengan amal sunat, itulah ertinya takwa."*

## Menuju keredaan Allah

# SEMUA KEINDAHAN DIPUJI, KENAPA TIDAK KEPADA ALLAH?

MANUSIA diciptakan Allah sebagai makhluk yang baik kerana akal fikiran yang ada padanya. Seperti firman Allah dalam surah At-Tin ayat 4, ertinya: "Sesungguhnya Kami (Allah) ciptakan manusia sebaik-baik bentuk." Dia menjadikan makhluk yang punya peradaban, semakin maju dalam segala hal, ilmu pengetahuannya semakin memuncak, pendapat dan fikrah-fikrah baru muncul tiada putus-putusnya, sehingga dunia dalam abad dua puluhan ini sudah ketara perbezaannya dari abad-abad yang sudah. Bagaimanakah hal dan corak bentuk manusia dalam abad-abad yang akan datang Wallahuaklam, Allah lebih tahu — Mungkinkah dalam abad empat-puluhan manusia semuanya boleh terbang sendiri atau mungkin juga manusia telah bernegara di bulan atau bintang? Sekalipun begitu kemajuan manusia yang mengkagumkan, jika kita bermenung memikir semula kecacatan dalam peradaban mereka baik di zaman lampau, di zaman sekarang dan mungkin juga di masa akan datang.

Kecacatan yang paling besar dalam peradapan manusia dulu dan sekarang ialah masih saja ada di antara manusia yang tidak percaya terhadap Allah Subhanahu Wataala yang mencipta alam semesta ini.

Kecacatan kedua ialah bahawa akal dan ilmu pengetahuan mereka sampai sekarang di samping dipergunakan untuk kebajikan, masih juga dipergunakan untuk kecelakaan dan kerosakkan makhluk manusia sendiri. Manusia yang beradap dalam abad kedua puluhan ini masih saja melakukan banyak kejahatan dalam hidup, mereka mencuri, membunuh, berbohong, memfitnah, berperang, masih belum berbeza jauh dengan kehidupan binatang yang tak punya akal dan peradaban.

Cacat ketiga yang tidak kurang pentingnya sampai sekarang ini, ialah babawa manusia beradap, sangat suka memuji sesama manusia. Dengan sedikit jasa atau kepandaian mereka telah dipuji setinggi langit. Kebanyakan yang dipuji itu ialah orang-orang yang diharapkan untuk memberikan keuntungan kepada diri yang memuji bagi kepentingan sendiri. Lebih-lebih yang paling dipuji kepada orang-orang yang sedang menduduki kedudukan-kedudukan penting atau memegang kekuasaan yang besar. Kadang-kadang mereka memuji bukan saja manusia yang berjasa, tetapi juga mereka puji manusia-manusia yang jahat yang penuh noda dan dosa, yang melakukan maksiat, yang bermuka-muka dengan perkataan tiada serupa — lain kata lain bicara, lain di mulut lain di hati.

Tetapi di samping itu semua mereka tidak pernah memuji-muji terhadap Allah Subhanahu Wataala yang mencipta seluruh benda yang mereka pergunakan dalam hidup ini, yang mencipta mereka sendiri, yang mencipta alam sejagat.

Bumi dan langit mereka puji-puji, anjing dan kuching mereka puji, rumah dan kereta mereka puji, tetapi tak pernah mereka memuji keagungan Allah Subhanahu Wataala yang menciptakan langit dan bumi ini. Bukan saja mereka tidak memuji Allah bahkan ada di antara mereka yang benci mendengar orang lain menyebut-menyebut tentang Allah, mereka benci mendengar ayat-ayat Allah yang dibacakan dan dikumandangkan di corong-corong radio atau dipaparkan di kaca televisyen.

Lantaran kecacatan-kecacatan dalam peradaban manusia yang disebutkan yang masih dilakukan oleh manusia, maka kejadian manusia yang mulia dan semulia-mulia makhluk itu akan ditukarkan Allah menjadi serendah-rendah makhluk hina martabat sebanding dengan haiwan — seperti firman Allah dalam surah At-Tin ayat 5 yang ertinya: "Kemudian Kami (Allah) kembalikan manusia serendah-rendah orang yang paling rendah."

Adalah wajar kepada manusia yang beradap agar di samping memuji sesama manusia atau benda, puji jugalah Allah — Tuhan Rabbil 'Alamin — Perbanyakkanlah pujian kepada yang layak iaitu terhadap Allah Subhanahu Wataala dan kurangilah memuji selain Allah.



PEGAWAI-pegawai dari Jabatan Tanah kini mengetatkan pemeriksaan terhadap pemborong yang mengambil tanah hitam dari tanah Kerajaan bagi mempastikan mereka itu mendapat kebenaran untuk berbuat demikian (seperti kelihatan dalam gambar atas).

# MENGAMBIL TANAH HITAM DARI TANAH KERAJAAN TANPA KEBENARAN BOLEH DIDAKWA

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemborong-pemborong diingatkan bahawa adalah menjadi kesalahan mengambil tanah hitam atau 'top soil' daripada tanah kerajaan tanpa kebenaran.

Pemangku Pesuruhjaya Tanah, Awang Mohd. Salleh bin Haji Jalil dalam satu kenyataan yang dikeluarkan pada minggu lalu menyatakan bahawa pada masa ini terdapat beberapa pemborong mengambil tanah hitam daripada tanah Kerajaan terutama sekali di kawasan Pantai Tungku, tanpa kebenaran atau kebenaran mereka telah mansuh.

Awang Mohd. Salleh menegaskan bahawa kegiatan tersebut adalah salah dari segi undang-undang dan peraturan yang dijalankan pada masa ini.

Katanya, berdasarkan kepada kegiatan-kegiatan tersebut, secara tidak langsung merugikan kepada negara dari segi kerosakan kepada alam sekitar, seperti tumbuh-tumbuhan, keruntuhan tanah dan lain-lainnya.

Memandangkan kepada keadaan inilah setiap mereka yang terlibat dikehendaki menghentikan kegiatan-kegiatan tersebut. Jika sekiranya mereka hendak berbuat demikian mereka hendaklah mendapatkan kebenaran terlebih dahulu daripada Pegawai Tanah Kanan.

## Jadual lawatan doktor terbang bulan Disember

BANDAR SERI BEGAWAN. — Lawatan perkhidmatan perubatan yang menggunakan pesawat helikopter ke kawasan-kawasan pedalaman diteruskan lagi Disember depan.

Rombongan perubatan akan membuat lawatan ke Kampong Teraja dan Apak-Apak di Daerah Belait pada 3 Disember, Kampong Buau pada 4 Disember, Sukang pada 18 Disember dan Melilas pada 24 Disember.

Di Daerah Tutong, rombongan tersebut akan melawat Kampong Benutan pada 5 Disember, Mapol pada 10 Disember, Ukong pada 17 Disember dan Belabau pada 19 Disember. Lawatan juga akan diadakan bagi Kampong Supon Besar di Daerah Tutong pada 26 Disember dan Long Mayan pada 31 Disember.

Rombongan perubatan juga akan mengadakan lawatan ke tiga buah kampung di Daerah Temburong. Kampong tersebut ialah Lopat pada 11 Disember dan Biang Menangah dan Lamaling pada hari berikutnya.

## Hadiri sidang bomba

BANDAR SERI BEGAWAN. — Dua orang pegawai kanan dari Jabatan Pasukan Bomba kini berada di Singapura untuk menghadiri South East Asia 2nd International Security dan Safety Conference.

Mereka ialah Timbalan Pengawal Pasukan Bomba, Awang Haji Wahabi bin Haji Metussin dan Penolong Pengawal Pasukan Bomba, Awang bin Haji Mat Daud.

Persidangan tersebut diadakan selama empat hari yang bermula semalam. Ini adalah pertama kalinya Pasukan Bomba Brunei Darussalam diundang untuk menghadiri persidangan tersebut.

## Latihan 'Singa Hutan' libatkan semua unit

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pasukan Angkatan Bersenjata Diraja Brunei akan menjalankan latihan tentera secara besar-besaran awal bulan depan. Latihan yang diberi nama 'Latihan Singa Hutan' itu akan dijalankan selama sembilan hari mulai dari 10 hingga 18 Disember.

Latihan tersebut melibatkan semua unit Angkatan Bersenjata Diraja Brunei dan satu batalion tentera jalan kaki dan jet-jet pejuang Angkatan Tentera Singapura.

Orang ramai adalah dinasihatkan supaya jangan berasa cemas semasa latihan tersebut dijalankan.

## Jadual Lawatan Perpustakaan Bergerak 28 November — 4 Disember 1984

| TEMPAT PERSINGGAHAN | TARIKH | HARI | MASA |
|---|---|---|---|
| Sekolah Melayu Serasa | 28.11.1984 | Rabu | 10.00–10.30 pagi |
| Sekolah Melayu Mentiri | 28.11.1984 | Rabu | 10.45–11.15 ,, |
| Sekolah Melayu Sultan Abdul Bubin, Sungai Besar | 28.11.1984 | Rabu | 11.30–12.00 t/hari |
| Sekolah Melayu Lumut dan Sekolah Melayu Sungai Liang | 29.11.1984 | Khamis | 10.00–11.00 pagi |
| Sekolah Menengah Arab Lelaki Hassanal Bolkiah | 29.11.1984 | Khamis | 2.30– 3.30 petang |
| Sekolah Melayu A. Haji Mohd Yussof Katimahar | 1.12.1984 | Sabtu | 8.30– 9.30 pagi |
| Penjara Jerudong | 1.12.1984 | Sabtu | 9.45–10.45 ,, |
| Sekolah Melayu Mulaut | 1.12.1984 | Sabtu | 11.00–12.00 t/hari |
| Sekolah Melayu Birau | 1.12.1984 | Sabtu | 1.30– 2.30 petang |
| Sekolah Melayu Kiudang | 1.12.1984 | Sabtu | 2.45– 3.45 ,, |
| Sekolah Melayu Lamunin | 1.12.1984 | Sabtu | 4.00– 5.00 ,, |
| Sekolah Melayu Haji Mohd Salleh Sungai Hancing | 3.12.1984 | Isnin | 8.45– 9.45 pagi |
| Maktab Melayu Paduka Seri Begawan Sultan | 3.12.1984 | Isnin | 1.45– 2.45 petang |
| Sekolah Inggeris Berakas (Bhg. Menengah) | 4.12.1984 | Selasa | 9.15–10 15 pagi |
| Sekolah Melayu Anggerik Desa, Berakas | 4.12.1984 | Selasa | 10.30–11.30 ,, |
| Sekolah Ugama Haji Mohd Jaafar, Kampong Kiulap | 4.12.1984 | Selasa | 2.45– 3.15 petang |
| Sekolah Ugama Kampong Mata-Mata, Gadong | 4.12.1984 | Selasa | 3.30– 4.00 ,, |
| Sekolah Persediaan Inggeris Sengkurong. | 4.12.1984 | Selasa | 4.30– 5.30 ,, |

## J-kuasa SMDMD dibentuk

KUALA BELAIT. — Sekolah Melayu Dato Maharaja Setia Dian Sukang baru-baru ini telah mengadakan mesyuarat bagi membentuk ahli Jawatankuasa Sekolah bagi tempoh 1985—1986.

Penyelia Kanan Sekolah-sekolah Daerah Belait Awang Haji Abd. Rahman bin Haji Md. Jafar telah dilantik sebagai Penaung. Penasihat ialah Awang Md. Jalil bin Radin, Penyelia Sekolah-sekolah Daerah Belait. Penghulu Mukim Sukang Ulu Belait, Awang Simpok bin Dato Maharaja Setia Dian dipilih sebagai Yang Dipertua dan Pengerusinya ialah Guru Besar Sekolah Melayu Dato Maharaja Setia Dian, Awang Marak bin Dato Maharaja Setia Dian.

Manakala Timbalan Pengerusi, Awang Ingar Anak Sawing, Setiausaha Cikgu Zimah bin Muli, Awang Ibrahim bin Pawi Penolong Setiausaha, Bendahari Cikgu Son Anak Bugik dan Pemeriksa kira-kira ialah Cikgu Rahimin bin Md. Yusof dan Awang Jame bin Kadir.

Sementara itu seramai 22 orang ahli telah dilantik bagi mewakili tiap-tiap kampung. Mereka yang dilantik terdiri dari Cpl. Liang anak Saran, Ketua Luyah anak Kaling, Dayang Zubaidah bte Unchat, Ketua Nor anak Aning, Awang Sam Anak Aneng, Dayang Gia anak Kiai, Ketua Ujan anak Gasing, Awang Manggi anak Elut, Dayang Linto anak Ujan, Awang Ogol anak Useh, Awang Liang anak Alam, Dayang Piri anak Elut, Ketua Makam anak Ugap, Awang Daling anak Sarau, Awang Nyawing anak Lingi, Dayang Jijah bte Abdullah, Ketua Meringai anak Kelambu, Awang Dulah anak Sangir, Dayang Sayun anak Meringai, Ketua Jemat anak Sumping, Awang Achin anak Mulai, Dayang Nisi anak Sulau.

## Pendaftaran kelas trengkas di S.M. Anggerek Desa

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pendaftaran untuk memasuki Kelas Perdagangan, Trengkas dan Menaip di Sekolah Melayu Anggerek Desa, Berakas, telah mula dibukakan pendaftarannya pada hari Jumaat 23 November, 1984. Pendaftaran tersebut boleh dibuat sehingga 18 Januari, 1985.

Pendaftaran tersebut bolehlah dibuat pada hari-hari Jumaat dan Ahad dari jam 8.00 pagi hingga 10.00 pagi kepada Penyelia Pelajaran Dewasa Sekolah Melayu Anggerek Desa, Berakas atau Guru-guru Perdagangan di sekolah tersebut.

Borang-borang untuk memasuki kelas tersebut bolehlah didapati dari Penyelia Sekolah tersebut atau Guru-guru Perdagangan di Sekolah Melayu Anggerek Desa, Berakas, Brunei Darussalam , dan hendaklah dikembalikan tidak lewat pada 18 Januari, 1985.



AWANG Yoshio Yokota menyampaikan sumbangan tersebut kepada Pemangku Timbalan Pengarah DBP, Awang Haji Alidin.

## Syarikat Jepun sumbang buku kepada DBP

BANDAR SERI BEGAWAN. — Syarikat Jepun, Yamaichi Securities Co. Ltd telah menyumbangkan lebih dari 800 naskah buku kepada Dewan Bahasa dan Pustaka Brunei.

Buku-buku tersebut meliputi berbagai bidang mengenai Jepun yang ditulis oleh orang-orang Jepun dalam bahasa Inggeris telah disampaikan oleh Presidennya, Awang Yoshio Yokota pada Pemangku Timbalan Pengarah Dewan Bahasa dan Pustaka, Awang Haji Alidin bin Haji Othman baru-baru ini.

Majlis penyampaian tersebut telah disaksikan oleh pegawai-pegawai Yamaichi Securities Co. Ltd dan Dewan Bahasa dan Pustaka.

## Mesyuarat Agung PPNB

BANDAR SERI BEGAWAN. — Persatuan Pendidik Nasional Brunei Darussalam (PPN) akan mengadakan mesyuarat agung tahunannya kali keempat pada hari Jumaat, 30 November.

Mesyuarat tersebut akan berlangsung di Sekolah Persatuan Pendidik Nasional, 5 — A Jalan Mulaut, Sengkurong, bermula jam 2.00 petang.

Timbalan Pengarah Pelajaran, Awang Haji Abdul Saman bin Kahar akan menjadi tetamu kehormat dan merasmikan mesyuarat tersebut.

Semua ahli-ahli persatuan tersebut adalah dikehendaki hadir.

**sudut Royal Brunei سودوت**

# 10 TAHUN PENUBUHAN DIRAJA BRUNEI

18 NOVEMBER adalah ulang tahun ke sepuluh penubuhan Penerbangan Kebangsaan — Syarikat Penerbangan Diraja Brunei, oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia.

Pengumuman awal mengenai cadangan penubuhan penerbangan itu dibuat oleh Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei pada awal bulan September 1974. Cadangan tersebut diberi keutamaan dalam rancangan Kemajuan Lima Tahun yang diumumkan dalam bulan berikutnya yang bertujuan untuk menyediakan pekerjaan, kemahiran teknikal dan meningkatkan perhubungan. Penubuhan syarikat tersebut dengan model $100 juta diputuskan pada 18 November dalam tahun yang sama.

Lima orang pegawai kanan Kerajaan telah dilantik menganggotai Lembaga Pengarah yang telah mengadakan mesyuarat pertamanya pada 26 November.

Dasar Kerajaan menghendaki penerbangan tersebut memenuhi kehendak kebangsaan, mempastikan perhubungan antara Brunei Darussalam dengan negara-negara luar dan menyediakan peluang-peluang pekerjaan bagi anak-anak tempatan di samping membuat keuntungan.

Ketika itu, Lapangan Terbang Antarabangsa Brunei berbangga dengan landasannya yang terbesar di Asia dan menerima banyak penerbangan, tetapi tidak mempunyai penerbangan kebangsaan yang dipunyai oleh Brunei sendiri.

Selama 10 tahun penubuhannya, Diraja Brunei melebihi kehendak awal dengan mempunyai lebih 500 orang kakitangan, 87 peratus daripadanya adalah terdiri dari anak-anak tempatan. RBA merupakan majikan ketiga terbesar di negara ini. Penerbangan Kebangsaan itu mendapat keuntungan dari tiga pesawat yang digunakan dalam penerbangan ke negara-negara ASEAN, Hong Kong, Darwin dan negeri-negeri tetangga Sarawak dan Sabah. Pada masa ini RBA membawa kira-kira 2000 penumpang setahun.

Pada 14 Mei tahun depan, RBA akan merayakan ulang tahun yang ke-10 penerbangan berjadualnya.

# KEJAYAAN YANG DICAPAI OLEH DIRAJA BRUNEI

PENERBANGAN Diraja Brunei ditubuhkan oleh Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia, dari sejak mulanya hanya beberapa orang pegawai kanan Kerajaan sahaja yang menduduki Lembaga Pengarah.

Sebagai majikan yang ketiga terbesar di negara ini, 87% daripada pekerjanya terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam, Diraja Brunei telah memainkan peranan penting dalam mewujudkan kecekapan, pekerjaan dan peluang-peluang kerjanya bagi anak-anak tempatan.

Diraja Brunei mempunyai rancangan setempat yang menyeluruh. Kebanyakan dari pekerja yang berkhidmat dengan Diraja Brunei sepuluh tahun lalu, sekarang telah memegang jawatan tinggi. Pengiran Ali, telah menjadi Pengurus Perdagangan, Yahya Cheman sebagai Pengurus Perkhidmatan Pelanggan, dan Hamid Yahya sebagai Pengurus Stesen.

Hampir 25% daripada pekerjanya telah mengikuti latihan seberang laut dan lebih 10% pekerja sedang menjalani kursus di New Zealand at... Uni... Kingdo... ...

jelaskan sikap hormat negara asing kepada Brunei Darussalam sebagai sebuah negara yang mempunyai pesawat penerbangannya sendiri.

Perhubungan ini dengan sendirinya membolehkan peniaga-peniaga dan pedagang-pedagang melawat dan membuka peluang-peluang baru dan kemungkinan kepada peniaga-peniaga tempatan serta bagi kepentingan rakyat dan ekonomi amnya.

Jika kita membenarkan penerbangan negara lain berkhidmat untuk Brunei Darussalam, Kerajaan mungkin tidak mempunyai jalan bagi menetapkan harga tambang yang berpatutan atau penyambungan perkhidmatan yang selamat dan berkuantiti tinggi. Tam- ...

bidang ekonomi tempatan.

Diraja Brunei menyediakan pengangkutan kargo sebeberapa banyak khidmat yang diperlukan oleh ekonomi kita. RBA juga menerbangkan barang-barang ganti untuk industri minyak, dan bahan-bahan yang amat diperlukan oleh pengguna dan pusat-pusat perdagangan.

Hasrat sebenar pertubuhan dan perkembangan Diraja Brunei bukan sahaja setakat menyediakan perkhidmatan memuaskan kepada penumpang dan pengangkutan kargo, tetapi juga lain-lain perdagangan. Diraja Brunei juga menjadi partner kepada Dairy Farm yang bukan sahaja menyediakan makanan bagi Diraja Brunei, tetapi juga penerbangan-penerbangan lain yang ... ...atan



**PESAWAT Diraja Brunei yang pertama VS-UEB tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Berakas Brunei pada 9 Mei, 1975.**

juruteraan bagi pengusaha di rantau ini. Diraja Brunei juga menjadi ejen penjual am bagi Ground Handling Agents. Pejabat Diraja Brunei di London memberikan khidmat kepada penumpang yang ingin terbang dari London ke Brunei Darussalam melalui perkhidmatan 'non-direct'. Pejabat itu mengaturkan penerbangan ke salah satu tempat persinggahan Diraja Brunei, dan penumpang tersebut akan diterbangkan ke Brunei dengan Diraja Brunei.

Ini merupakan perniagaan yang sihat yang mempastikan sebeberapa banyak keuntungan bagi negara Brunei Darussalam dan rakyatnya dapat melancong ke tempat-tempat lain dengan meng...unakan pengangkutan ...bangsaan.

RBA menggunakan tiga ...uah pesawat yang moden ...ang memberikan perkhid...atan kepada ibu-ibu negara ...SEAN, juga Darwin di ...elatan, Hong Kong ke utara, ...an negara-negara jiran, ...ota Kinabalu dan Kuching. ...BA juga mengendalikan ...erja-kerja sewaan yang ...emakin bertambah. Dan ...iraja Brunei mempunyai pe...abatnya di Singapura, Hong Kong dan London, dan mempunyai perwakilan di kebanyakan tempat persinggahan. Lebih dari sejuta penumpang mengikuti penerbangan kita sejak penerbangan pertamanya.

Jabatan Kejuruteraan Diraja Brunei akan segera mengambil alih seluruh Pusat Teknikal di Hanger Lapangan Terbang. Jabatan-jabatan Perkiraan, Perdagangan dan Pengurus Umum dan Jabatan Kakitangan akan berpindah ke bangunan baru yang sedang dalam pembinaan. Plaza Diraja Brunei menjadi tapak yang sesuai bagi Ibu Pejabat Pengangkutan Kebangsaan.

Walaupun Diraja Brunei menyediakan perkhidmatan bagi rakyat, ekonomi dan perkembangan negara, ianya juga berjalan ke satu tahap keuntungan. Pengangkutan Kebangsaan Brunei Darussalam tidak mengalami kerugian sekalipun beberapa tahun lepas penerbangan-penerbangan lain telah terjejas.

Ini merupakan sepuluh tahun yang dinamik. Dari keadaan kita tidak mempunyai kemahiran penerbangan awam, kita sekarang mempunyai pesawat penerbangan yang selamat dibandingkan dengan mana-mana penerbangan yang turut ditadbirkan oleh orang-orang Brunei, dengan bantuan pekerja-pekerja kontrak. Pekerja kontrak diambil terus oleh Diraja Brunei dari seluruh dunia. Perkhidmatan Pelanggan dan Jabatan Perdagangan sekarang diurus keseluruhannya oleh rakyat Brunei Darussalam. Sepuluh tahun akan datang, bila anak-anak Brunei menghabiskan latihan teknikal dan pengalaman bekerja dari seberang laut, kita akan mengharapkan semua jurutera dan pemandu kapal terbang terdiri dari anak-anak Brunei.

## Penghargaan kepada RBA

DIRAJA Brunei telah banyak menerima ucapan terima kasih dan penghargaan atas perkhidmatan yang diberikannya sama ada dari rakan perniagaan atau dari penumpangnya.

Awal bulan lepas, kakitangan tempahan Diraja Brunei telah menerima sebiji kek yang dihadiahkan oleh Dayang Barbara Caroll, Pengurus British Airways bagi Brunei Darussalam, Sabah dan Sarawak, sebagai tanda terima kasih dan penghargaan terhadap bantuan di segi perniagaan yang diberikan oleh RBA.

"Kami sangat berhutang budi kepada RBA atas bantuan mereka kepada kami. Kami telah banyak menerima penumpang-penumpang dan perniagaan dari RBA," kata Dayang Barbara.

Diraja Brunei dan British Airways telah menghasilkan satu jadual penerbangan yang memberikan kemudahan untuk penumpang-penumpang kedua-dua syarikat itu bertukar penerbangan.

# rtb/Intisari minggu ini

## *Radio Minggu Ini :*

# JIKALAH AKU SEORANG PENULIS

CUMA tinggal sepurnama sahaja lagi kita akan bersua di tahun baru masihi 1985. Maka seketika itu juga ingatan kita masih tetap membara pada kisah dan peristiwa yang dilalui bersama dalam tragedi hidup perilaku manusia sejagat ini. Suka duka, tangis dan tawa silih berganti menggamit nada selera.

Pun kiranya itu yang tetap bersimfoni di hati para pencinta seni sastera bangsa, maka ukirlah senyuman yang sedia ada itu bersama suara semusim yang membisikkan tentang hidup manusia dan kemanusiaan buat tatapan bersama kita.. Buat latapan masyarakat setempat kita bersama. Penulis tidak akan sunyi walau di mana jua berada.

Untuk itu jikalah aku seorang penulis, maka akan aku lahirkan bibit-bibit dari rintik kehidupan manusia di mayapada ini dengan sinonimnya yang tersendiri. Biar masyarakat setempat tahu bahawa tinta penulis tetap beriak meskipun air setenang di mana, ianya tetap berkocak juga.

Lantaran itu pada penulis tanahair sekalian, oraklah langkah bersama dalam merumpunkan diri pada bambu yang tegak berdiri, meskipun lenturnya tetap ada, namun tegaknya tetap menjulang jua.

Fikirlah dan pertimbangkanlah, jika suara dan nada penulis kreatif radio di keempat daerah di negara kita ini sungguh menyepi sekali, kenapa terjadi demikian?

Jika pensil sudah diraut, tulislah dengan kalam yang ada sebab jiwa penulis adalah sebagai pencipta, penggubal dan penggubah resolusi bangsa dan negara tetap seiring bersama arus perkembangan zamannya.

Pihak radio dalam bentuk sumbangan kreatif radio ini amat mengharapkan sumbangsih yang tulen dari penulis tanahair sekalian untuk sama-sama seiring dan sejalan dalam mewujudkan satu masyarakat yang berkompromi dalam segenap bidang.

Bukan satu, bukan dua sahaja penulis yang diharapkan untuk sama menyuarakan di arena penulisan ini, malahan kita sebagai pewaris penulis bangsa yang tulen di tanahair kita ini bersuaralah, meskipun terasa pahit untuk disumbangkan. Namun baktimu penulis tetap abadi dalam kenangan bangsa dan negara.

Jika rangka yang ada dalam penerimaan skrip radio dalam lingkungan sebelas bulan yang dilalui ini ternyata menurun sekali. Maka radio bertanyakan, ke mana penulis radio tanahair kita sekarang? Relakah kita menyepi di tanahair kita sendiri, sedangkan kita ada hak untuk bersuara.

Dan satu pengharapan radio, tiliklah jika aku seorang penulis, maka aku akan tetap bersama sepanjang zaman.

## Sandiwara radio:

# "Mengharap Setitik Embun"

SANDIWARA Radio Minggu Ini akan diisikan oleh penulis Arti, Brunei dengan karyanya yang berjudul "MENGHARAP SETITIK EMBUN."

Penulis mengutarakan tentang masalah rumahtangga yang sudah lumrah berlaku dalam kehidupan masyarakat kita hari ini. Masalah pengabaian tanggungjawab seorang suami terhadap isteri dan rumahtangga adalah menjadi persoalan pokok dalam sandiwara ini, di mana watak Faizul menjadi semakin buruk perangainya setelah isterinya Rohani mengandung.

Faizul yang sejak dari awal lagi memang tidak disukai oleh Mak Gayah, ibu mertuanya, dengan sendirinyalah telah menaruh perasaan dendam terhadapnya. Setiap kedatangan ibu mertuanya ke rumah itu pasti akan membawa kemarahan padanya. Lebih-lebih lagi ia memang jarang berada di rumah dan selalu pulang lewat malam dalam keadaan mabuk.

Di luar rumah pula, Faizul sering berdua-duaan dengan Rozi, seorang wanita yang dirasakannya sehaluan dengan seleranya yang selalu inginkan hiburan. Kerana terlalu terdorong oleh perasaan muda, Faizul menjadi sempit fikirannya dan tanpa berfikir panjang lagi, Rohani isterinya dihalau dari rumahnya dan Rohani terpaksa menyerahkan dirinya ke rumah orang tuanya sehinggalah ia melahirkan anaknya yang pertama.

Setelah Rohani meninggalkannya, Faizul mengambil kesempatan itu sepenuhnya untuk bermesra dengan Rozi. Satu hari semasa dalam perjalanan bersama Rozi, Faizul mendapat kemalangan jalan raya yang teruk dan melibatkan perubahan pada anggota tubuhnya.

Apakah perubahan yang dimaksudkan itu? Mungkinkah Faizul akan menginsafi segala kesalahannya selama ini? Bagaimana pula keadaan Rohani dan anaknya? Untuk mengetahuinya, ikutilah rancangan ini pada 2 Disember, 1984 jam 11.30 pagi.

Rancangan ini diterbitkan oleh Haji Abdullah Awang Damit.



KEPADA peminat bintang filem terkenal Indonesia Rubby Sugara akan dapat mengikuti temubual Helen Thu bersamanya menerusi rancangan Tetamu Radio pada hari Ahad jam 5.00 petang. Rancangan ini diterbitkan oleh Salmah Haji Abdul Rahman.

# *Pertandingan Aslirama 1984 peringkat separuh akhir ke-2*

MINGGU lepas lapan orang peserta telah bertanding mengadu bakat seni suara mereka dalam Pertandingan Bintang Aslirama 1984 Peringkat Separuh Akhir. Minggu ini lapan orang peserta lagi akan bertanding di Peringkat Separuh Akhir Kedua untuk merebut 10 tempat ke peringkat akhir yang dijangka berlangsung pada 29 Disember depan di Dewan Raya Radio Televisyen Brunei. Lapan orang peserta yang akan dapat awda saksikan minggu ini terdiri dari Pg Mohd Salleh Pg Haji Ismail, Esmit Haji Md Yassin, Mohd Jaafar Abdul Wahab, Pg Shahbuddin Pg Ahmad, Norsiah Abdul Hamid, Salmaya Haji Md Hussain, Zulkifli Tengah dan Mohammad Omar.

Pertandingan Bintang Aslirama 1984 Peringkat Separuh Akhir Kedua itu akan dapat awda ikuti pada hari Sabtu 1 Disember, 1984 mulai jam 9.25 malam.



Esmit Haji Md Yassin



Mohd Jaafar Abd Wahab



Pg Shahbuddin Pg Ahmad



Norsiah Abd Hamid



Mohammad Omar



Zulkifli Tengah

# RANCANGAN TV MINGGU INI

PIHAK Radio Televisyen Brunei berhak untuk menukar mana-mana jua rancangan yang difikirkan perlu tanpa memberitahu terlebih dahulu.

## HARI RABU 28 NOVEMBER

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.27 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 TEETIME AND CLAUDIA

4.45 FRAGGLE ROCK

5.15 DIFF'RENT STROKES

5.40 SUPERFRIENDS

6.00 BERITA AWAL

6.05 SUPERFRIENDS — sambungan

6.10 AZAN MAGHRIB

6.20 TEKA TEPAT — sambungan

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 HART TO HART : "Trust Your Heart"

7.25 AZAN ISYAK

7.29 HART TO HART — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 CERAMAH MAULUD

8.45 BERZANJI

8.55 LIPUTAN NASIONAL

9.25 FORUM :
"Belia Dan Pendidikan Moral"
Pengerusi : Haji Hashim Haji Abd Hamed
Penal : Hj Mahalle Hj Abdullah
Awg Hashim Pendek
Awg Ali Hj Abd Rahman

10.10 THE MISSISSIPPI : "The Big Leagues"

11.00 TAYANGAN GAMBAR : "Little Big Man"
Cerita seorang tua dari zaman Custer's Last Stand mengenang kembali pengalamannya dalam tawanan suku kaum Indian ketika berumur 10 tahun dan pengembaraannya yang menimbulkan perspektif unik dalam sejarah Western. Pelakon-pelakon : Dustin Hoffman, Faye Dunaway, Martin Balsam, Richard Mulligan, dan lain-lain.

12.30 SIARAN TAMAT.

## HARI KHAMIS 29 NOVEMBER

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.27 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 SESAME STREET

5.30 FAT ALBERT AND THE COSBY KIDS

6.00 BERITA AWAL

6.05 AGAINST THE ODDS

6.10 AZAN MAGHRIB

6.20 AGAINST THE ODDS — sambungan

6.30 SHORT STORY THEATRE

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 TRAUMA CENTER : "Shock Waves"

7.25 AZAN ISYAK

7.29 TRAUMA CENTER — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 CERAMAH MAULUD

8.45 BERZANJI

8.55 HIDAYAT

9.25 DUNIA MINGGU INI

9.55 HAWAII FIVE O : "Clash Of The Shadows"

10.45 MAN ABOUT THE HOUSE : "Somebody Out There Likes Me"
Chrissy mendapati dia ada seorang peminat. Apabila Mrs. Roper bersamanya, Mr. Roper menjadi cemburu, kemudian Robin mengenali siapa dia.

11.15 POT BLACK 1983

12.15 SIARAN TAMAT.

## HARI JUMAAT 30 NOVEMBER

### TENGAH HARI

12.00 PEMBUKAAN

12.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

12.13 SUSUNAN RANCANGAN

12.25 CERAMAH UGAMA

12.30 SIARAN LANGSUNG SEMBAHYANG FARDU JUMAAT DARI MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN

### PETANG

1.25 SPORTS :
JUDO — "The Basic Judo"
TABLE TENNIS — "Basic Skills"

1.45 ANIMAL IN ACTION : "Flightless Bird"

2.10 THE YEARLING : "Country Lessons"

2.30 HE-MAN MASTERS OF UNIVERSE

3.00 KONONNYA : "Sumbilang Sama Si Kundur"

3.25 WEBSTER

3.32 AZAN ASAR

3.36 WEBSTER — sambungan

4.00 MILLER'S COURT

4.30 AGRICULTURE 2000

4.55 SCIENCE WORKSHOP

5.15 EXPEDITION DANGER

5.45 TOWARDS 2000

6.00 BERITA AWAL

6.05 TOWARDS 2000 — sambungan

6.10 AZAN MAGHRIB

6.20 TOWARDS 2000 — sambungan

6.30 TEKA TEPAT

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 'V' SERIES

7.25 AZAN ISYAK

7.29 'V' SERIES — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 CERAMAH MAULUD

8.45 BERZANJI

8.55 DARI MIMBAR MASJID OMAR ALI SAIFUDDIN

9.05 LIPUTAN NASIONAL

9.35 DRAMA SBC : SEPANJANG JALAN "Kasih Sekejap"

10.05 KNOTS LANDING : "Secrets Cry Aloud"
Lilimaie membocorkan Val sedang mengandung. Gary mengelak Cathy dan mendapati Karen tersungkur tidak sedar diri di bilik mandi.

11.00 NEWHART : "Shall We Gather At The River?"

11.30 HARDCASTLE AND McCORMICK : "The Crystal Duck"

12.20 PAUL ANKA : "Bruce Murry"

12.50 SIARAN TAMAT.

## HARI SABTU 1 DISEMBER

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.27 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 SESAME STREET

5.30 MARINE BOY : "Terror Of The Fireball"

6.00 BERITA AWAL

6.05 WILD AUSTRALIA : "Wildfire"
"Bushfire" memusnahkan ribuan akar kawasan tanah di Australia tiap-tiap tahun. Rancangan ini mengesan progress dari permulaan sehingga berakhirnya satu kebakaran dari kacamata pemadam-pemadam api.

6.12 AZAN MAGHRIB

6.22 WILD AUSTRALIA — sambungan

6.31 GOING BANANAS : "Lights, Camera, Bananas"

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 KNIGHT RIDER : "Speed Demons"

7.26 AZAN ISYAK

7.30 KNIGHT RIDER — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.55 LIPUTAN NASIONAL

8.35 CERAMAH MAULUD

8.45 BERZANJI

9.25 BINTANG ASLIRAMA 1984 — Separuh Akhir Kedua

10.10 TAYANGAN GAMBAR MELAYU : "Bertunang"

11.40 TAYANGAN GAMBAR AKHIR : "Divorce American Style"
Setelah berkahwin 17 tahun, sepasang suami isteri bercadang untuk bercerai. Si suami telah diingatkan oleh sepasangan yang pernah bercerai mengenai kerumitan pembayaran nafkah (alimony) jika ingin berkahwin lagi. Satu kejadian di kelab malam membawa mereka kembali semula sebelum meneruskan perceraian. Pelakon-pelakon : Dick Van Dyke, Debbie Reynolds, Jason Robards, Jean Simmons, dan lain-lain.

1.10 SIARAN TAMAT.

## HARI AHAD 2 DISEMBER

### PETANG

2.00 PEMBUKAAN

2.02 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

2.13 SUSUNAN RANCANGAN

2.15 BIG LEAGUE SOCCER

3.05 PINK PANTHER INSPECTOR

3.34 AZAN ASAR

3.38 THE JEFFERSONS

4.05 FANTASY ISLAND

4.50 ECONOMIC MADE EASY (Ulangan)

5.05 HONDO : "The Gladiators"

6.00 BERITA AWAL

6.05 BRITANNICA PHENOMENAL WORLD : "The Sea Beneath The Earth"
Bayangkan semua sungai, tasik dan kolam di permukaan dunia ini di satukan. Sejumlah besar air jadi 37 kali ganda semuanya. Inilah banyak air yang terdapat dalam perut bumi kita — air dalam tanah yang penting kepada kita semua. Rancangan ini mempaparkan bagaimana kita mengguna dan menyalahgunakan salah satu sumber alam yang berharga ini.

6.12 AZAN MAGHRIB

6.22 BRITANNICA PHENOMENAL WORLD — sambungan

6.30 BENSON : "Too Pooped To Pip"

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 SIMON AND SIMON : "Double Play"

7.26 AZAN ISYAK

7.30 SIMON AND SIMON — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 CERAMAH MAULUD

8.45 BERZANJI

8.55 DARI DEWAN RAYA

9.40 JOURNEY INTO JAPAN : "The Samurai"
Apabila Jepun memasuki zaman modennya dalam kurun 19, legenda kaum pahlawan (samurai) telah menjadi kunu dan dihapuskan. Namun begitu semangat samurai tetap hidup. Adam Keith membawa kita menyaksikan pembuatan filem menghidupkan samurai seperti pada zamannya.

10.10 CONDO : "The Affair"

10.40 MASTER OF THE GAME

11.30 TALES OF THE UNEXPECTED : "The Moles"

12.00 SIARAN TAMAT.

## HARI ISNIN 3 DISEMBER

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.27 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 DUKES OF HAZZARD : "The Dukes In Switzerland"

5.00 SMURF

5.30 EXPLORE : Sri Lanka — The Kingdom of Kandy"

6.00 BERITA AWAL

6.05 TEKA TEPAT

6.12 AZAN MAGHRIB

6.22 TEKA TEPAT — sambungan

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 BARE ESSENCE

7.26 AZAN ISYAK

7.30 BARE ESSENCE — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 CERAMAH MAULUD

8.45 BERZANJI

8.55 LIPUTAN NASIONAL

9.25 MARI MEMASAK : "Ikan Masak Rendang Bali"
Resipinya ada disiarkan di muka lain akhbar ini.

9.55 DOCUMENTARY SPECIAL : "Iceberg Alley"

10.55 THE JEWEL IN THE CROWN : "Crossing The River" Bhg 2.

11.45 SIARAN TAMAT.

## HARI SELASA 4 DISEMBER

### PETANG

4.15 PEMBUKAAN

4.17 AL-QURAN DAN MARI KITA BERDOA

4.27 SUSUNAN RANCANGAN

4.30 LUCKY LUKE

5.00 WORLD OF SURVIVAL : "A Triumph of Eagles"

5.30 JOHAN AND PEEWIT

6.00 BERITA AWAL

6.05 NOVA : "A Normal Face"
Kemajuan yang telah dicapai oleh plastic surgery.

6.12 AZAN MAGHRIB

6.22 NOVA — sambungan

### MALAM

7.00 BERITA DALAM BAHASA INGGERIS

7.15 THE FALL GUY : "Bite Of The Wasp"
Colt, Howie, Jody dan Terry melabur semua pendapatan mereka untuk membiayai satu produksi filem murah demi membantu teman mereka yang menjadi produsernya.

7.26 AZAN ISYAK

7.30 THE FALL GUY — sambungan

8.15 WARTA BERITA

8.35 CERAMAH MAULUD

8.45 BERZANJI

8.55 ARENA SUKAN

9.40 RUMPUN BUDAYA : "Puak Murut Temburong"

10.10 THE YELLOW ROSE : "Beyond Vengeance"

11.00 TAYANGAN GAMBAR : "Future Woman"

12.30 SIARAN TAMAT.

# Rancangan Rancangan RADIO

## WAKTU SIARAN:

Siaran Bahagian Melayu Radio Brunei bermula dari jam 6.00 pagi terus menerus hingga jam 10.30 malam setiap hari.

**SIARAN F.M. STEREO**

| | |
|---|---|
| 92.3 | mHz bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong. |
| 93.8 | mHz bagi kawasan Tutong dan Belait. |

**GELOMBANG SEDERHANA**

| | |
|---|---|
| 675 | kHz atau 444 meter bagi kawasan Brunei-Muara dan Temburong. |
| 594 | kHz atau 505 meter bagi kawasan Tutong dan Belait. |

## TIAP-TIAP HARI:

**PAGI**

| | |
|---|---|
| 6.00–6.02 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.05 | Sinaran Wahyu |
| 6.15 | Pedoman Hidup |
| 6.30 | Membacakan Susunan Rancangan |
| 6.33 | Dendang Suria |
| 7.00 | Dendang Suria |
| 7.10 | Panduan Sukan |

**TENGAH HARI**

| | |
|---|---|
| 11.30–12.45 | Untuk Awda |
| 1.00 | Majalah Radio siaran asal dan ulangan (kecuali hari Jumaat dan Ahad) |

**PETANG**

| | |
|---|---|
| 4.30 | Rampai Petang |
| 6.00 | Menuju Keredaan Allah Siaran langsung menunaikan sembahyang Fardu Maghrib dari Masjid Omar Ali Saifuddin. |

**MALAM**

| | |
|---|---|
| 7.30 | Majalah Radio |
| 10.15 | Bacaan Al-Quran |
| 10.25 | Doa Restu |
| 10.29 | Allah Peliharakan Sultan. |

## WARTA BERITA:

| | |
|---|---|
| 6.45 pagi | (Berita Perdana) |
| 8.00 pagi | |
| 10.00 pagi | |
| 12.45 tengah hari | |
| 1.30 tengah hari | (hari Jumaat) |
| 3.00 petang | |
| 5.30 petang | (Berita Perdana) |
| 8.00 malam | |

**MENYIARKAN AZAN :**

Zuhur, Asar, Maghrib dan Isyak.

## HARI RABU 28 NOVEMBER

**PAGI :** 9.00—Taman Mekar (SU), 9.30—Pilihan Pendengar, 10.15 — Permintaan Pagi Rabu, 11.15 — Tinjauan.

**TENGAH HARI :** 1.30 — Hiburan Paduan Suara.

**PETANG :** 2.00 — Dunia Wanita (SU), 2.30 —Penyanyi Minggu Ini, 3.15—Lagu-lagu Tanpa Nyanyian, 3.30 — Bahas Sekolah-sekolah (SU), 4.00 — Hiburan Petang, 4.30— Bangsawan Di Udara, 5.00 — Rampai Petang, 5.15 — Sudut Pelita (SU), 5.45— Senandung Senja.

**MALAM :** 7.00 — Titian Budaya (SU), 7.15 — Selingan Irama, 8.15 — Permintaan Sukaramai, 9.15 — Pertandingan Aslirama Peringkat Separuh Akhir '84 siri pertama.

## HARI KHAMIS 29 NOVEMBER

**PAGI :** 9.00 — Sains dan Perusahaan (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Penglipur Lara, 10.30—Permintaan Sukaramai.

**TENGAH HARI :** 1.30 — Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih.

**PETANG :** 2.00 — Tetamu Minggu Ini (SU), 2.30 — Hiburan, 3.15 — Hiburan Petang, 3.25—Majalah Ugama, 4.00—Drama Dari Novel, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM :** 7.00 — Bacaan Surah Yassin, 8.15 Selingan Irama, 8.30 — Bimbingan Al-Quran, 9.00 — Lagu-lagu Asli, 9.30 — Tafsir Al-Quran.

## HARI JUMAAT 30 NOVEMBER

**PAGI :** 9.00 — Majalah Radio (SU), 9.30 — Nada Pedoman, 10.15—Soa'an Di Udara, 10.30 — Tafsir Al-Quran (SU), 11.00 — — Mutiara Asli, 11.30 — Bimbingan Al-Quran (SU), 12.00 — Pedoman Hidup, 12.15 — Bacaan Al-Quran, 12.30 — Siaran Langsung Menunaikan Sembahyang Fardu Jumaat.

**TENGAH HARI :** 1.15 — Selingan Irama, 1.45 — Lagu-lagu Instrumental Melayu.

**PETANG :** 2.00 — Lukisan Masyarakat, 2.30 — Hiburan Petang, 3.25 — Pelajaran Dewasa Di Udara, 4.00 — Permintaan Jiran Tetangga, 4.30 — Dunia Wanita, 5.00 — Hiburan Petang, 5.45 — Suntingan Khutbah Jumaat.

**MALAM :** 7.00 — Cerpen Dan Salukan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30 — Majalah Ugama (SU), 9.00 — Alam Remaja (SU), 9.30 — Hiburan Malam.

## HARI SABTU 1 DISEMBER

**PAGI :** 9.00 — Pelajaran Dewasa Di Udara (SU), 9.30 — Hiburan Riang Ria, 9.45 — Soalan Di Udara (SU), 10.15 — Varia Peristiwa (SU), 10.30 — Rampaisari.

**TENGAH HARI :** 1.30 — Lagu-lagu Dari Filem, 2.00—Permintaan Hujung Minggu.

**PETANG :** 3.15 — Hiburan Petang, 3.25 — Cerpen Dan Salukan (SU), 4.00 — Mutiara Asli (SU), 5.45 — Kuliah Ugama.

**MALAM :** 7.00 — Tinjauan (SU), 8.15 — Syair Perlembagaan, 8.30 — Bangsawan di Udara (SU), 9.00 — Permintaan Malam Minggu.

## HARI AHAD 2 DISEMBER

**PAGI :** 9.00 — Taman Mekar, 9.30 — Hiburan Pagi Minggu, 10.15 — Majalah Perdana, 11.00 — Sandiwara Radio, 12.00 — Tahniah dan Ucap Selamat.

**TENGAH HARI :** 1.00 — Permintaan Dua Stesen.

**PETANG :** 2.00 — Serbanika Hiburan, 2.30 — Fokus, 3.15 — Majalah Sukan, 3.45 — Titian Budaya, 4.00 — Senandung Lagu-lagu Lama/Sumbangsih (SU), 5.00 — Tetamu Radio, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM :** 7.00 — Seni dan Sastera, 7.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.15—Selingan Irama, 8.30 — Suara Perajurit (SU), 9.00 — Drama Dari Novel (SU), 9.30 — Pilihan Pendengar.

## HARI ISNIN 3 DISEMBER

**PAGI :** 9.00 — Dendang Antarabangsa, 9.30 —Pilihan Pendengar, 10.15—Berdendang Denganku, 10.30 — Sains Dan Perusahaan, 11.00 — Sukma Ria.

**TENGAH HARI:** 1.30—Permintaan Hari Isnin.

**PETANG :** 2.30 — Lukisan Masyarakat (SU), 3.15 — Syair Perlembagaan, 3.30 — Alam Remaja, 4.15 — Ruangan Katani, 5.45 — Ruangan Katani, 4.30 — Rampai Petang, 5.45 — Senandung Senja, 6.00 — Menuju Keredaan Allah.

**MALAM :** 7.00 — Majalah Sukan (SU), 8.15 — Lagu-lagu Selingan (SU), 8.30—Kuliah Ugama (SU), 9.00 — Serbanika Hiburan, 9.30 — Kutujukan Lagu.

## HARI SELASA 4 DISEMBER

**PAGI :** 9.00 — Suara Perajurit, 9.30 — Pilihan Pendengar, 10.15 — Lagu-lagu Berirama Dangdut, 10.30 — Permintaan Kaum Wanita, 11.00 — Untuk Awda, 11.30 — Panduan Wanita (SU).

**TENGAH HARI:** 1.30—Kusampaikan Salam.

**PETANG :** 2.30 — Varia Peristiwa, 2.45 — Gema Silam, 3.15—Seni dan Sastera (SU), 3.25 — Sukma Ria (SU), 4.00 — Dari Pendengar Untuk Pendengar, 5.45 — Senandung Senja.

**MALAM :** 7.00 — Ruangan Katani (SU), 7.15 — Lagu-lagu Selingan, 8.15 — Selingan Irama, 8.30—Sandiwara Radio (SU), 9.00 — Bahas Sekolah-sekolah, 9.30 — Permintaan Sukaramai.

# RADIO PROGRAMME ENGLISH SECTION

## EVENING

### Wednesday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hello Tomorrow |
| 8.30 | 35th Cheltenham Festival : The Aeolian String Quartet (Prog 6 side 2 of 2). |
| 9.15 | Popular Classics : Descriptive Music (Disc 10 side 2 of 2). |
| 9.30 | Talking About Music — 292. |

### Thursday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | International Money Programme |
| 8.15 | Sixties Minute Theatre : The Snowstorm by Alexander Sergeyevich Pushkin. |
| 9.30 | The Pasadena Roof Orchestra. |

### Fridays/Holidays

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 11.00 | Fifteen Minute Theatre : "A Ghastly Performance by Michael Hardwick |
| 11.15 | Light Music From The Netherlands — 633. |
| 11.30 | Children's Half Hour |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | 19th Cambridge Folk Festival : Fureys and Davey Arthur — 12/12. |
| 12.45 | My Music — 330/436. |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 1.15 | Book Club : The Hobbit by J.J.R. Tolkien — 11/15. |
| 1.30 | Break for music with Malay traditiosal songs — 50. |
| 1.45 | Just for variety by continuity announcer. |
| 2.00 | Soundtrack of the Sixties (K842 — 8 side 2B & 3B) |
| 4.00 | Chinese programmes. |
| 8.00 | The World of Books |
| 8.30 | Thirty-Minute Theatre : "Waving To A Train" by Martyn Reed. |
| 9 00 | Perspective |
| 9.30 | A Date With ...... (repeat) |

### Saturday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Hits In Germany. |
| 8.30 | Just A Minutes — 289/299. |
| 9.00 | Richard Clayderman & Orchestra — (RB/H/308/82) side 2) |
| 9.30 | Top of The Pops — 1044. |

### Sunday

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 11.00 | Our Views with chairlady Mordiah Haji Jackia—29/33. |
| 11.30 | Practical World |
| 11.45 | London This Week |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | A Date With ...... |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 12.45 | Review of the Week |
| 1.00 | Top of The Pops — 1044 (repeat) |
| 1.30 | Weekend Greetings |
| 2.45 | "Yes Minister" Episode 4 : The Writing On The Wall. |
| 3.15 | Just for variety |
| 8.00 | Our Views—29/33 (repeat). |
| 8.30 | BBC Science Magazine |
| 9.00 | Beautiful Music — 41/60. |
| 9.30 | Soundtrack of the Sixties (K842 — 9 side 1A). |

### Monday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Theatre Forty-Five : "Those Daring Young Men" by James Follet. |
| 8.45 | The Guitar Greats Steve Miller (side 2 of 2). |
| 9.30 | Sweet and Stylish by James David and Orchestra — 8/12. |

### Tuesday

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 8.00 | Just For You by Jaafar Yaakub |
| 9.00 | In Sentimental Mood |
| 9.30 | Stereo Pop Special : Level 42 side 1. |

### Daily

**A.M.**

| | |
|---|---|
| 6.29 | Jingle |
| 6.30 | Allah Peliharakan Sultan |
| 6.32 | Quran and It's Translation |
| 6.45 | Berita Perdana followed by Brunei In History, Brunei's AM and Weather Forecast |
| 7.30 | Local News with Tide Times |
| 7.35 | Brunei's AM (continued) |
| 8.30 | Chinese programmes. |
| 11.00 | Ladies at Eleven except Fridays and Sundays. |

**NOON**

| | |
|---|---|
| 12.00 | Lunch Break except Fridays and Sundays. |
| 12.30 | News followed by Brunei In History, and Weather Forecast |
| 2.00 | Close for morning transmission on Mondays-Thursdays |
| 4.00 | Close for morning transmission on Fridays and Sundays |

**P.M.**

| | |
|---|---|
| 9.15 | News. |

# sukan pelita

Kelolaan: Manaf Rahman

Piala Malaysia:

# MASING-MASING SIBUK BUAT PERSEDIAAN

BAHANG panas yang menyerang negeri-negeri yang mengambil bahagian dalam Piala Malaysia tahun ini juga membawa 'demam panasnya' di negara Brunei Darussalam.

Dalam kesibukan setiap negeri membuat persediaan awal, negara kita juga tidak terkecuali. Setakat ini latihan awal dengan pemanggilan seramai 24 orang pemain telah menjalani latihan di Berakas Garison.

Sekali pandang skuad Piala Malaysia kali ini sudah dapat dilihat riak bentuknya. Hampir keseluruhan pemain yang menganggotai skuad Piala Borneo masih berada dalam kumpulan.

Setentunya dapat digambarkan bahawa titik tolak pembentukan skuad pasukan kebangsaan adalah berdasarkan dengan kelakonan cemerlang pasukan negara di kejohanan tiga wilayah tersebut ditambah dengan prestasi menggalakkan mereka dalam percubaan melalui perlawanan-perlawanan persahabatan.

"Sepeninggalan saya ini saya telah meninggalkan sekumpulan pemain yang terbaik, bersemangat, dedikasi dan mantap untuk menerajui pasukan kebangsaan," bekas jurulatih negara, Awang Danny Baggara pernah menjelaskan.

Adunan yang dibuat oleh Awang Danny dengan muka baru dan lama memberikan satu kesan yang baik dan membayangkan semula keagungan ataupun setidaknya pencapaian semula reputasi bola sepak negara dalam siri Piala Malaysia akan datang.

Adunan ramuan-ramuan yang dibuat oleh bekas jurulatih tersebut juga telah melahirkan bintang-bintang baru dalam pasukan kebangsaan.



Majidi Ghani



Zainuddin Kassim



Rosanan

Pasukan negara menemukan bakat-bakat berpotensi dalam diri Faisal Haji Mohd. Yusof, Serbini Razali dan Rosanan Samak. Kesemuanya lahir dalam sekelip mata.

Baru pertama kali mencecahkan kaki mewakili pasukan negara tidak ternampak kecacatan dalam persefahaman bermain dengan pemain lama.

Serbini cukup meyakin dalam menjalan tugas yang ditinggalkan oleh midfielder kental negara, Shari Timbang yang cedera dalam Piala Borneo lepas.

Faisal yang mempunyai kawalan bola yang baik, pandangan permainan yang tajam dan hantaran yang tepat menambahkan kelicinan gerakan tengah pasukan negara.

Setakat ini jumlah keseluruhan skuad pelatih Piala Malaysia adalah seramai 27 orang termasuk Majidi, Zainuddin dan Rosanan yang kini menjalani latihan intensif di United Kingdom bersama pasukan simpanan Sheffield United.

Jumlah ini akan dikurangkan seramai 18 orang. Majidi, Zainuddin dan Rosanan akan bersama skuad negara seminggu sebelum bermulanya kempen Piala Malaysia.

Brunei dijangka akan membuka tirai musim ini dengan bertemu Singapura yang kembali dari 'pertapaan' selama tiga tahun: Rekod terbaik pasukan negara ialah ketika menundukkan pasukan Republik itu 2 — 1.

Sepeninggalan Awang Danny, anak buahnya kini dilatih oleh Awang Dayem Haji Ali bersama dengan Ahmad Metarsad, Pengiran Tajuddin dan Pengiran Rosli.

Awang Dayem dan Ahmad Metarsad pernah menerima tunjuk ajar dari Awang Danny dan mereka berdua baru kembali dari mengikuti kursus jurulatih di Thailand.

Dengan pencapaian dan kelakonan yang membanggakan baru-baru ini setentunya tidak dapat diambil kira untuk mengembalikan terus kegemilangan prestasi pasukan negara dalam kejohanan Piala Malaysia ini.

Tetapi kita juga tidak akan menafikan bahawa kita boleh melakukannya. Kehadiran tiga pemain yang kembali diasuh oleh Awang Danny di Sheffield United dan pengalaman mereka bermain di Central League setentunya sedikit sebanyak akan membuahkan 'ramuan beracun' ke pihak lawan.

## JADUAL PERLAWANAN BRUNEI DARUSSALAM SIRI PIALA MALAYSIA

**Dalam negeri**

| | |
|---|---|
| Brunei Darussalam — Singapura | 4.1.85 |
| Brunei Darussalam — Terengganu | 6.1.85 |
| Brunei Darussalam — Selangor | 29.1.85 |
| Brunei Darussalam — Pulau Pinang | 1.2.85 |
| Brunei Darussalam — Kedah | 3.2.85 |
| Brunei Darussalam — Perak | 15.2.85 |
| Brunei Darussalam — Pahang | 20.2.85 |
| Brunei Darussalam — Sarawak | 22.2.85 |

**Luar Negeri**

| | |
|---|---|
| Brunei Darussalam — Sabah | 13.1.85 |
| Brunei Darussslam — Melaka | 21.1.85 |
| Brunei Darussalam — Johor | 23.1.85 |
| Brunei Darussalam — Perlis | 8.2.85 |
| Brunei Darussalam — Negeri Sembilan | 10.2.85 |
| Brunei Darussalam — Wilayah | 13.2.85 |
| Brunei Darussalam — Kelantan | 12.4.85 |
| Brunei Darussalam — Tentera | 15.4.85 |

## Perlawanan pemilihan sepak takraw

JAWATANKUASA sepak takraw Pesta Sukan Merdeka akan menganjurkan satu pertandingan terbuka seluruh negara yang dijangka bermula awal Disember depan.

Kejohanan pra Pesta Sukan Merdeka itu bertujuan semata-mata untuk memilih pemain-pemain yang berkelayakan dan berkemampuan untuk mewakili negara ke sukan tersebut tahun depan.

Ahli jawatankuasa sepak takraw sukan tersebut melalui jawatankuasa pemilih berharap akan 'menemukan' satu kumpulan pemain yang benar-benar berkewibawaan.

Hanya melalui kejohanan ini saja pemilihan akan dibuat dan mereka yang berminat dan berhasrat untuk menyertai kejohanan pesta tersebut sekali gus untuk mewakili negara dimestikan menyertainya.

Pemilihan ini tidak terkecuali kepada pemain-pemain kebangsaan ataupun skuad Piala Borneo. Jika mereka gagal dalam menyertainya maka akan dikira menarik diri.

PESTA SUKAN MERDEKA — NEGARA BRUNEI DARUSSALAM 1985

Kesemua perlawanan akan dijalankan secara kalah mati. Bagaimanapun pemilihan tidak akan dibuat kepada pasukan terbaik atau pemegang kejohanan tapi ianya akan lebih ditumpukan kepada kebolehan perseorangan.

Pasukan yang menyertai pra Pesta Sukan Merdeka dikehendaki membayar borang masuk sebanyak $15.00 dan borang penyertaan boleh didapati dari Awang Mohd. Yusof bin Tuah di Jabatan Pelajaran dan dihantar tidak lewat dari 4 Disember depan.

KEJOHANAN badminton bagi Jabatan Ukur berakhir dengan pertandingan akhir berlangsung pada 24 November lepas di dewan gerak badan Balai Polis Diraja Brunei, Berakas.

Kejohanan kali ketiganya dianjurkan oleh Badan Kebajikan dan Sukan jabatan tersebut adalah bagi merebut piala sumbangan Juruukur Agung, Awang Yunus bin Mohd Noh.

Ianya adalah menjadi projek tahunan badan tersebut dan terbuka kepada ahli-ahli badan, kakitangan serta pegawai di Jabatan Ukur.

Lebih 40 orang peserta telah menyertainya dan ianya bertujuan bagi merapatkan hubungan pegawai dan kakitangan dari peringkat bawahan hingga atasan melalui kegiatan sukan.

Tiga acara telah dipertandingkan. Perseorangan lelaki terbuka, perseorangan bagi pegawai-pegawai kanan dan bergu lelaki terbuka. Minggu lepas telah dilangsungkan peringkat akhir bahagian wanita.



## PERKOTA anjur perlawanan badminton

KELAB Bulu Tangkis PERKOTA akan menganjurkan satu perlawanan badminton terbuka bagi penduduk-penduduk sepanjang Jalan Kota Batu termasuk mereka yang tinggal di Kampong Batu Marang dan Subok.

Kejohanan buat kali keduanya ini dianjurkan bagi merebut piala sumbangan Awang Haji Kilali bin Haji Abd. Rahman dan merupakan projek tahunan kelab tersebut.

Perlawanan akan dijangka bermula pada 10 Disember dan cabutan undi akan diadakan pada 7 Disember depan. Semua perlawanan akan dijalankan secara kalah mati bertempat di Dewan Sekolah Melayu Pintu Malim.

Borang-borang penyertaan boleh didapati sekarang dari Awang Meriat bin Haji Abdullah, No. 6, Kg. Kota Batu, Awang Haji Kilali bin Haji Abd. Rahman, Kg. Pintu Malim, Awang Harun bin Haji Ismail, Kg. Sungai Belukut dan Awang Malek bin Aji, Kg. Pintu Malim.

Borang tersebut serta bayaran masuk bagi acara perseorangan sebanyak $10.00 dan bergu $20.00 hendaklah dikembalikan tidak lewat dari 30 November ini jam 6.00 petang.

# SATERIA GAGAH HARAPAN NEGARA
# ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

BRUNEI



## MASUKILAH KERJAYA TENTERA

**PENGAMBILAN YANG KE-65 SEDANG DIJALANKAN, MENDAFTARLAH BERAMAI-RAMAI, UMUR AWANG ANTARA 17½-25 TAHUN, JIKA AWANG-AWANG BERMINAT DALAM KERJAYA TENTERA, HANTARLAH BORANG INI KEPADA :**

PEGAWAI PENGAMBILAN
ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI
PERKHEMAHAN BOLKIAH
NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

NAMA ..........................................................................................

NO. KAD PENGENALAN.................... WARNA..............................

TARIKH LAHIR.................................. UMUR.................................

ALAMAT ......................................................................................

KELULUSAN ................................................................................

NO. TELEFON JIKA ADA ............................................................

TANDATANGAN.............................. TARIKH..................................

### TANGGAGAJI PERINGKAT RENDAH ABDB DAN ELAUN-ELAUN YANG LAIN.

**'B' TRADE**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Rekrut | $ 580.00 | + | $213.00 | = | $ 793.00 |
| Soldadu | $ 625.00 | + | $213.00 | = | $ 838.00 |
| Lance Kopral | $ 655.00 | + | $213.00 | = | $ 868.00 |
| Kopral | $ 765.00 | + | $213.00 | = | $ 978.00 |
| Sarjan | $1,045.00 | + | $213.00 | = | $1,258.00 |
| Staff Sarjan | $1,190.00 | + | $213.00 | = | $1,403.00 |
| Pegawai Warrant II | $1,340.00 | + | $213.00 | = | $1,553.00 |
| Pegawai Warrant I | $1,555.00 | + | $213.00 | = | $1,768.00 |

**'A' TRADE**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Soldadu | $ 650.00 | + | $213.00 | = | $ 863.00 |
| Lance Kopral | $ 670.00 | + | $213.00 | = | $ 883.00 |
| Kopral | $ 785.00 | + | $213.00 | = | $ 998.00 |
| Sarjan | $1,085.00 | + | $213.00 | = | $1,298.00 |
| Staff Sarjan | $1,215.00 | + | $213.00 | = | $1,428.00 |
| Pegawai Warrant II | $1,375.00 | + | $213.00 | = | $1,588.00 |
| Pegawai Warrant I | $1,595.00 | + | $213.00 | = | $1,808.00 |

**'X' TRADE**

| | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| Soldadu | $ 720.00 | + | $213.00 | = | $ 933.00 |
| Lance Kopral | $ 745.00 | + | $213.00 | = | $ 958.00 |
| Kopral | $ 930.00 | + | $213.00 | = | $1,143.00 |
| Sarjan | $1,420.00 | + | $213.00 | = | $1,633.00 |
| Staff Sarjan | $1,565.00 | + | $213.00 | = | $1,778.00 |
| Pegawai Warrant II | $1,715.00 | + | $213.00 | = | $1,928.00 |
| Pegawai Warrant I | $1,955.00 | + | $213.00 | = | $2,168.00 |

**Elaun-elaun yang lain ialah :**

1. Tambang Cuti Tahunan
2. Pelajaran Anak-Anak
3. Seberang Laut
4. Kursus
5. Pakaian
6. Kenderaan
7. Gangguan
8. Tinggal di luar dan Tanggungan
9. Tambang tiap-tiap 3 tahun.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PELAYAN

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk dilantik sebagai PELAYAN di dalam Perkhidmatan Perkhidmatan Kerajaan, Negara Brunei Darussalam.

Tangga gaji: F.1-2-3-4-5 EB.6 — $445-$790 sebulan.

Kelayakan dan Pengalaman: Pemohon-pemohon mestilah lulus sekurang-kurangnya Tingkatan I atau yang sebanding dengannya.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu laporan sulit dan satu salinan rekod perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan mestilah dipenuhi dalam dua salinan borang yang boleh didapati daripada Jabatan Perjawatan, Negara Brunei Darussalam dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup: 31 Disember, 1984.

(Bil iklan: 239/1984)
(E/859/61/3).

## Telecommunications Department Tender Notice

TENDERS are invited from registered Telecoms contractors with A or B or C classification.

2. The said tenders are for PROVISION OF TELEPHONE CABLES TO JERUDONG ISTANA STAFF HOUSING AND GUEST HOUSE.

3. Tenders should be placed in the Tenders Board, situated outside the office of the State Financial Officer on the ground floor of the State Secretariat Building, Bandar Seri Begawan, not later than 12 noon on 24th. December, 1984. Tenders received after the said time will be rejected.

4. Tenders should be submitted in a plain sealed envelope marked:—

TENDERS FOR THE PROVISION OF TELEPHONE CABLES TO JERUDONG ISTANA STAFF HOUSING AND GUEST HOUSE.

5. Detailed tender documents can be obtained from the office of the Director of Telecommunications at Jalan Istana Darussalam, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam, upon a deposit of $500.00 which will be refunded to all unsuccessful tenderers. The tender deposit will be forfeited from any tender who fails to submit a tender.

6. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

7. Joint consultation and on site inspection of the work is a condition of tender, and prospective contractors must meet with the Director's Representative at 9.30 am hours on 8th. December, 1984 at Sengkurong Telephone Exchange.

Tenders will not be accepted from contractors who have not attended the joint on site inspection.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN
## JABATAN KERJA RAYA KUALA BELAIT

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Bangunan Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: KB 66 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas 'AX' untuk:

PROJEK: "CADANGAN PEMBINAAN BAGI PERHENTIAN BAS DI KUALA BELAIT DAN SERIA."

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jabatan Kerja Raya, Kuala Belait hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Disember, 1984.

Tarikh tutup: 17 Disember, 1984.

Cagaran tawaran: $500.00.

## Pemberitahuan Tawaran Pejabat Perkhidmatan-Perkhidmatan Elektrik

**BIL.: PPL/166/1984**

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK UBAHSUAI KANTIN MUZIUM KEPADA PEJABAT MUZIUM DI JALAN KOTA BATU, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 3 Disember, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" sahaja (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/167/1984**

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN DAN MEMPERBAIKI KERJA-KERJA HAWA DINGIN DI PEJABAT DAERAH TUTONG.

Tarikh tutup: 3 Disember, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/170/1984**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK OPIS PENTADBIRAN DI SEKOLAH RAJA ISTERI PENGIRAN ANAK DAMIT.

Tarikh tutup: 3 Disember, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $100.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" atau "C" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/173/1984**

Tajuk Kerja: RAWATAN DAN PEMELIHARAAN BAGI SEMUA ALAT-ALAT PERKAKAS DAN LOGI HAWA DINGIN DI STADIUM NEGARA HASSANAL BOLKIAH, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 3 Disember, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cagaran: $300.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" sahaja (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/174/1984**

Tajuk kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 11KV RUMAH JANAKUASA BAGI JABATAN PERKHIDMATAN-PERKHIDMATAN ELEKTRIK DI PERUMAHAN KERAJAAN, JALAN KEBANGSAAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 10 Disember, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/175/1984**

Tajuk Kerja: PEMASANGAN ELEKTRIK UNTUK 6 BLOK 12 UNIT PANGSA (3 BILIK TIDUR) DI PERKHEMAHAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 10 Disember, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $200.00.

Kelayakan pemborong: Kelas "A" atau "B" (Internal Wiring).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/176/1984**

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN DAN PEMASANGAN ALAT HAWA DINGIN DI HIJAU BAIDURI, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 10 Disember, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Cengkeram: $300.00.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

**BIL.: PPL/177/1984**

Tajuk kerja: PEMELIHARAAN PENCEGAH UNTUK SEMUA ALAT HAWA DINGIN UNTUK BANGUNAN KERAJAAN (JABATAN PELAJARAN, JABATAN KERJA RAYA, SURUHANJAYA PERKHIDMATAN AWAM DAN JABATAN PERCETAKAN) DI LAPANGAN TERBANG LAMA, BERAKAS, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Tarikh tutup: 10 Disember, 1984 jam 12.00 tengah hari.

Kelayakan Pemborong: Kelas "A" atau "B" (Hawa Dingin).

Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah diperolehi dari Perkhidmatan-Perkhidmatan Bangunan.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN
## JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk "Membekalkan Pakaian Seragam Untuk Kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan" bagi tahun 1985 — 1986.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis:—

a) MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM UNTUK KAKITANGAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN, BANDAR SERI BEGAWAN, TUTONG DAN TEMBURONG.

b) MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM UNTUK KAKITANGAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN, KUALA BELAIT.

Tawaran-tawaran itu hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat hari Isnin 10 Disember, 1984 jam 12.00 tengah hari.

3. Borang mengenai tawaran bolehlah diperolehi di Ibu Pejabat, Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

4. Perjanjian kontrak boleh ditamatkan oleh sama ada pihak pemborong atau pihak Jabatan Perubatan dan Kesihatan Negara Brunei Darussalam dengan memberitahu sebulan terlebih awal secara bertulis.

5. Cengkeram sebanyak $500.00.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat menerima tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

## TAWARAN UNTUK MEMBUAT DAN MEMBEKALKAN PAKAIAN SERAGAM UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI IMIGRESEN

TAWARAN-tawaran adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Pejabat Perbendaharaan, Negara Brunei Darussalam, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 Disember, 1984 bagi membekal:—

SEBANYAK LEBIH KURANG 400 PASANG SETAHUN PAKAIAN SERAGAM UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI IMIGRESEN KANAN DAN PEGAWAI IMIGRESEN, JABATAN IMIGRESEN, BRUNEI BAGI SEPANJANG TAHUN 1985 DAN 1986.

2. Penawar-penawar hendaklah menyatakan harga tiap-tiap helai seluar dan baju dan hendaklah menyertakan bersama-sama dengan surat tawarannya contoh kain yang digunakan. Butir-butir lanjut mengenai dengan bentuk dan kain yang biasanya digunakan boleh didapati daripada Ibu Pejabat Imigresen, Bangunan Suri, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

3. Penawar yang berjaya hendaklah bersedia membuat dan membekal setiap pesanan di dalam tempoh tidak lebih 3 minggu dari tarikh indent dikeluarkan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang tertutup dan berlak (sealed) serta ditandakan dengan terang "TAWARAN BAGI MEMBUAT DAN MEMBEKAL PAKAIAN SERAGAM UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI IMIGRESEN". Nama-nama penawar tidak boleh ditulis di luar sampul surat itu.

5. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## TAWARAN MEMBEKALKAN KASUT UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI IMIGRESEN SEMUA PERINGKAT

TAWARAN-tawaran adalah diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran di Pejabat Perbendaharaan, Negara Brunei Darussalam, Tingkat Empat, Bangunan Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 Disember, 1984 bagi membekal:—

SEBANYAK LEBIH KURANG 500 PASANG KASUT KULIT BERWARNA HITAM BERBAGAI-BAGAI SIZE UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI IMIGRESEN SEMUA PERINGKAT BAGI SEPANJANG TAHUN 1985 DAN 1986.

2. Penawar-penawar hendaklah menyatakan harga bagi sepasang kasut termasuk cukai Kastam, jika berkenaan dan perbelanjaan menghantar ke Ibu Pejabat Imigresen, Bandar Seri Begawan. Buatan dan jenis berserta dengan keterangan-keterangan dan contoh-contoh kasut yang ditawarkan itu hendaklah disertakan bersama tawaran.

3. Penawar yang berjaya hendaklah bersedia membekal setiap pesanan di dalam tempoh tidak lebih 3 minggu dari tarikh indent dikeluarkan.

4. Tawaran-tawaran hendaklah dikemukakan di dalam sampul surat yang tertutup dan berlak (sealed) serta ditandakan dengan terang "TAWARAN BAGI MEMBEKALKAN KASUT UNTUK PEGAWAI-PEGAWAI IMIGRESEN". Nama-nama penawar atau lain-lain tanda yang boleh mengenalkan penawar tidak boleh ditulis di luar sampul surat itu.

5. Kerajaan tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau sebarang tawaran.

## FIRE BRIGADE DEPARTMENT TENDER NOTICE No. 11/1984

TENDERS will be received by the Chairman, Tenders Board, at the Office of Bangunan Kementerian Kewangan, 4th. Floor, Jalan James Pearce, Negara Brunei Darussalam up to 12.00 noon on Monday 10th. December, 1984 for the Supply, Delivery, Repair and Repainting the following Fire Brigade Boats and Equipments:—

a) 40Hp. and 175Hp. Outboard Engine complete (power trim) with steering, cable (morse code type), steel propellers installation and plus one power pack and one coil for each engine.

b) To repair and repaint of 15 nos. Fire Speed Boat. Type Fibreglass and Aluminium.

2. Tenderers are requested to forward their catalogue and specification for the above equipments. The supplier must have after sale service (maintenance) and six months guarantee. All prices quoted based on CIF Brunei in Brunei Currency.

3. Further specification and details of the above items may be obtained from O.I.C. of Marine Fire Station.

4. Date of delivery to be stated.

5. Tenders received after the above stated time and date will be rejected.

6. Tenders must be placed in plain sealed envelope and marked "TENDERS FOR THE SUPPLY, DELIVERY REPAIR AND REPAINT OF FIRE BRIGADE EQUIPMENTS" and should be addressed to the Chairman, Tenders Board, at the Offices of the State Financial Officer, Ground Floor of the Government Office, Bandar Seri Begawan Negara Brunei Darussalam.

7. The Brunei Government does not bind itself to accept the lowest of any tender received.

# JAWATAN KOSONG DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## SEBAGAI PAKAR X-RAY

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang berkelayakan untuk dilantik sebagai PAKAR X-RAY di Jabatan Perubatan dan Kesihatan, Kementerian Pelajaran dan Kesihatan, Negara Brunei Darussalam.

Sukatan Gaji :

M. 18 — B$6,800 sebulan (tetap) dan elaun 'M' 1,250.00

ATAU

M. 19 — B$8,000 sebulan (tetap) dan elaun 'M' 1,500.00 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

Ijazah Perubatan.

Fellowship of the Royal College of Radiologists atau kelayakan yang sebanding dengannya.

Pengalaman praktikal dalam bidang 'clinical ultrasound' adalah perlu.

**Tugas-tugas :**

Membantu Pakar X-Ray Kanan dalam kerja-kerja memberi perkhidmatan 'Radiological' dan 'Radiodiognosis' di seluruh Negara.

**Syarat-syarat Lantikan :**

Calon-calon yang berjaya akan dilantik secara berkontrak selama tiga tahun dan pembaharuan kontrak adalah atas persetujuan bersama. Selain daripada gaji, bonus tahunan juga dibayar. Faedah-faedah termasuklah tambang percuma, elaun pelajaran untuk anak-anak, cuti bergaji, bantuan perumahan, pinjaman wang (tidak berfaedah) untuk membeli kereta dan baksis pada kadar 25 peratus setelah sempurna tamat kontrak.

Calon-calon yang terdiri dari rakyat Negara Brunei Darussalam akan dilantik ke jawatan tetap setelah menjalani satu tempoh percubaan.

Pada masa ini tidak ada Cukai Pendapatan dikenakan di Negara Brunei Darussalam.

Borang-borang permohonan boleh didapati daripada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Tingkat 4, Bangunan SPA dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 24 Januari, 1985.

( Bil iklan : 242/1984 )
( E/755/75/2 ).

## Sebagai Penyelamat di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan

PERMOHONAN adalah dipelawa daripada calon-calon yang terdiri daripada rakyat Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam untuk memenuhi jawatan kosong sebagai PENYELAMAT di Jabatan Kebajikan, Belia dan Sukan, Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan, Negara Brunei Darussalam.

Sukatan Gaji : E.1-2-3 EB.4 — $515-$875 sebulan.

**Kelayakan dan Pengalaman :**

a) Pemohon-pemohon mestilah berumur di antara 18 hingga 30 tahun dan lulus sekurang-kurangnya Sijil Rendah Pelajaran atau yang sebanding dengannya.

b) Pemohon-pemohon mestilah pemegang Bronze Medallion R.L.S.S. United Kingdom.

c) Calon-calon yang tidak mempunyai kelulusan di (a) tetapi adalah seorang pemegang Bronze Medallion R.L.S.S. United Kingdom juga akan dipertimbangkan.

Seseorang pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan hendaklah menghantar permohonannya melalui Ketua Jabatannya dan Ketua Jabatan itu hendaklah menyertakan bersama-sama dengan permohonan ini satu Laporan Sulit dan satu salinan Rekod Perkhidmatan yang lengkap.

Permohonan-permohonan mestilah dihantar dalam dua salinan borang yang boleh di dapati daripada Pengarah Perjawatan, Jabatan Perjawatan, Tingkat 4, Bangunan SPA dan borang tersebut hendaklah dikembalikan bersama-sama dengan salinan surat-surat akuan dan sijil-sijil kepada Setiausaha, Suruhanjaya Perkhidmatan Awam, Tingkat 5, Bangunan SPA, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.

Tarikh tutup : 31 Disember, 1984.

( Bil iklan : 237/1984 )
( E/439/72 ).

## PEMBERITAHUAN TAWARAN JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa untuk membekalkan kain-kain untuk pakaian seragam bagi kakitangan Jabatan Perubatan dan Kesihatan.

2. Tawaran-tawaran hendaklah dimasukkan di dalam sampul surat yang tertutup dengan ditulis "MEMBEKALKAN KAIN UNTUK PAKAIAN SERAGAM BAGI JABATAN PERUBATAN DAN KESIHATAN" dan tawaran-tawaran itu hendaklah dimasukkan di dalam peti tawaran yang terletak di Bangunan Kementerian Kewangan, tingkat empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan tidak lewat dari hari Isnin 10 Disember, 2984 jam 12.00 tengah hari.

3. Senarai kain-kain yang ditawarkan hendaklah seperti berikut : —

| | Butir-butir | Lebar | Anggaran Diperlukan |
|---|---|---|---|
| i. | 100% White Polyster | 58"/60" | 20,000 ela |
| ii. | 100% Royal Blue Polyster | 58"/60" | 20 ela |
| iii. | 100% Pale Blue Polyster | 58"/60" | 50 ela |

4. Contoh kain bagi pakaian seragam yang berkenaan hendaklah dihantar berserta dengan harga-harga yang ditawarkan.

5. Cengkeram $100.00.

6. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak terikat menerima tawaran yang lebih murah atau seumpamanya.

## JABATAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA

TAWARAN-tawaran adalah dijemput bagi menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis-najis (night-soil) sebanyak 274 tong di dalam kawasan Lembaga Bandaran Kuala Belait dan 299 tong di dalam kawasan Lembaga Bandaran Seria pada sebelah malam bagi enam bulan (Januari, 1985 — Jun, 1985).

2. Tawaran-tawaran mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran di Pejabat Kewangan Negara, Tingkat Bawah, Bangunan Pejabat-Pejabat, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam sehingga jam 12.00 tengah hari pada hari Isnin 10 Disember, 1984, Tawaran yang diterima sesudah tarikh atau waktu ini akan ditolak.

3. Tawaran-tawaran mestilah dimasukkan ke dalam sampul-sampul surat biasa yang bertutup. Maka di muka sampul surat itu tidaklah boleh dibuat tanda yang boleh mengenalkan siapa nama Penawar.

4. Sampul-sampul surat itu mestilah dialamatkan kepada Pengerusi, Lembaga Tawaran (alamat penuh seperti diterangkan di fasal (2).

5. Kerja yang ditawarkan mestilah disebutkan dengan terang di atas sampul surat itu dan perkataannya mestilah "PEKERJAAN MENGANGKAT DAN MEMBUANG NAJIS DI DALAM KAWASAN-KAWASAN LEMBAGA BANDARAN KUALA BELAIT DAN SERIA." Tawaran-tawaran yang diterima dalam sampul-sampul surat yang tidak dialamatkan dengan betul akan ditolak.

6. Surat perjanjian mengandungi peraturan-peraturan atas menjalankan pekerjaan mengangkat dan membuang najis dapat dilihat di Pejabat Lembaga Bandaran, Kuala Belait, pada bila-bila masa bekerja.

7. Kerajaan tidak terikat untuk menerima tawaran yang sehabis rendah atau sebarang tawaran.

8. Dua buah kenderaan khas dengan dua orang pemandu akan disediakan oleh Jabatan Lembaga Bandaran, Kuala Belait untuk melaksanakan pekerjaan mengangkat dan membuang najis itu dengan tidak dikenakan apa-apa bayaran.

## PEMBERITAHUAN TAWARAN ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI

**Syarat-syarat Tawaran**

1. TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Tawaran terletak di Lembaga Tawaran Negara Kementerian Kewangan, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat jam 12.00 tengah hari, hari Isnin 24 Disember, 1984. Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.

2. Dokumen-dokumen tawaran boleh didapati dari Pejabat Procurement, Angkatan Bersenjata Diraja Brunei, Bolkiah Kem, semasa hari-hari bekerja (0730-12.30 dan 1400-1630 tiap-tiap hari 1130 tiap-tiap hari Jumaat, Sabtu dan Ahad tidak dibuka).

3. Contoh-contoh, katalog-katalog atau risalah-risalah adalah dikehendaki dan mestilah dihantar kepada Pejabat Procurement, Bolkiah Kem, ABDB tidak lewat 3 hari selepas tarikh tawaran ditutup. Gambar-gambar biasa tidak akan dilayan.

4. Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya.

5. Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak akan terikat untuk menerima tawaran yang paling rendah atau mana-mana jua tawaran.

BIL.: P/RC/08
MEMBEKAL : PERABOT KELAS I, II DAN III (2 years running contract)
Cagaran : $200.00.

BIL.: P/RC/41
MEMBEKAL : RS ELECTRONIC COMPONENTS (2 years running contract)
Cagaran : $500.00.

BIL.: P/RC/42
MEMBEKAL : REMOVAL OF WASTE OIL (2 years running contract)
Cagaran : $500.00.

BIL.: P/RC/48
MEMBEKAL : INSURANCE VESSELS (2 years running contract)
Cagaran : $500.00.

BIL.: P/RC/52
MEMBEKAL : UNDERTAKING OF AGENCY FUNCTIONS ON BEHALF OF RBAF IN RESPECT OF EQUIPMENT AND SPARE AND ARRANGEMENT OF REPAIR AND MODIFICATION OF VEHICLES (2 years running contract).
Cagaran : $500.00.

BIL.: P/RC/56
MEMBEKAL : AGENCY FOR COMMUNICATION AND TEST EQUIPMENT
Cagaran : $500.00.

BIL.: P/RC/55
MEMBEKAL : AGENCY FOR AUDIO/VISUAL EQUIPMENT (2 years running contract)
Cagaran : $500.00.

BIL.: PROC/T/212/84
MEMBEKAL : PERSONAL LOCATOR BEACON.
Cagaran : $200.00.

BIL.: PROC/T/213/84
MEMBEKAL : LOWER/UPPER BRACKET.
Cagaran : $150.00.

BIL.: PROC/T/214/84
MEMBEKAL : HAND TORCH.
Cagaran : $100.00.

BIL. : PROC/T/215/84
MEMBEKAL : PERFORATER 51.
Cagaran : $100.00.

BIL. : PROC/T/216/84
MEMBEKAL : ENGINE ASSEMBLY (L/R).
Cagaran : $100.00.

BIL. : PROC/T/217/84
MEMBEKAL : NIGHT LANDING AIDS.
Cagaran : $200.00.

BIL. : PROC/T/218/84
MEMBEKAL : MOTOROLA MITREK.
Cagaran : $150.00.

BIL. : PROC/T/219/84
MEMBEKAL : PARTS AND ACCESSORIES FOR 3B SPATE PUMP.
Cagaran : $100.00.

BIL. : PROC/T/220/84
MEMBEKAL : CLARKSON MK II CUTTER
Cagaran : $150.00.

BIL. : PROC/T/221/84
MEMBEKAL : RADIO SPARES
Cagaran : $200.00.

BIL. : PROC/T/223/84
MEMBEKAL : BEDFORD ENGINE ASSY/SPARES.
Cagaran : $200.00

BIL. : PROC/T/224/84
MEMBEKAL : AVON SEARIDER.
Cagaran : $200.00

BIL. : PROC/T/225/84
MEMBEKAL : EPAULETTES GREEN.
Cagaran : $100.00.

BIL. : PROC/T/226/84
MEMBEKAL : MOP WOOLLEN HEAD
Cagaran : $100.00.

## PROPOSED FISH LANDING COMPLEX AT KUALA BELAIT NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

TENDERS will be received by the Chairman of Tenders Board at 4th. Floor, Ministry of Finance Building, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, not later than 12.00 noon on Monday 17th. December, 1984 from Registered Contractors Class A and with suitable building and Civil Engineering work experience for the Construction and Completion of "PROPOSED FISH LANDING COMPLEX AT KUALA BELAIT."

2. Tender documents can be obtained, during normal office hours, from the office of :

SPECS SDN. BHD.,
10, First Floor,
Mas Panchar Warna Complex,
Mile 1½, Jalan Tutong,
Bandar Seri Begawan,
Negara Brunei Darussalam.

On payment of a Tender Deposit of B$1,000.00 for Document and B$100.00 for Drawings in the form of Bank Draft in favour of Brunei Government. The tender deposit will be refunded to each unsuccessful tenderer upon receipt of bona-fide tender and the return of issued Tender Document and Drawings to the Engineer's Office.

3. Before the Tender Document will be issued, the Tenderers shall also submit the following documents to the Consulting Engineers : —

i) Documentary Evidence of PWD Registration Status.

ii) A Banker's reference letter from a bank established in Negara Brunei Darussalam, on the Tenderer's Financial status and confirming the Bank's willingness to provide a Performance Bond 10 percent of Contract Value in the event of award of Contract.

4. Tender must be submitted in sealed envelopes bearing no indication of the name of the Tenderers and shall be marked clearly "TENDER FOR PROPOSED FISH LANDING COMPLEX AT KUALA BELAIT."

5. The Government of Negara Brunei Darussalam does not bind itself to accept the lowest or any tender.

## TAWARAN JABATAN STOR-STOR DAN PERBEKALAN NEGARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

**BIL. 71/84**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 3 Disember, 1984 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

PEMBEKALAN:

PARANG MELAYU 19" PANJANG CAP "33" ATAU SEBANDING.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

**BIL. 72/84**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 3 Disember, 1984 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

PEMBEKALAN:

BLANKET, NYLON SIZE: 60" X 80".

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

**BIL. 73/84**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Brunei di Kementerian Kewangan, Bandar Seri Begawan, sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 Disember, 1984 bagi membekalkan perkara di bawah untuk Jabatan Stor dan Perbekalan Negara:

PEMBEKALAN :

EXIDE BATERI N 150 12 VOLTS 25 PLATES DAN BATERI 6XNF-11R 12 VOLTS.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat awaran boleh diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

**BIL. 74/1984**

TAWARAN-tawaran akan diterima oleh Pengerusi Lembaga Tawaran, Negara Brunei Darussalam di Bangunan Kementerian Kewangan, Tingkat 4, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan sehingga 12.00 tengah hari, hari Isnin 10 Disember, 1984 bagi membekalkan barang-barang yang tersebut di bawah untuk Jabatan Stor-Stor dan Perbekalan Negara Brunei Darussalam.

PEMBEKALAN TYRE BERMACAM-MACAM UKURAN.

Butir-butir lanjut mengenai syarat-syarat tawaran bolehlah diperolehi dari Jabatan Stor dan Perbekalan Negara, Batu 3½, Jalan Gadong semasa waktu-waktu bekerja.

# KENYATAAN DAN PEMBERITAHUAN TAWARAN

## TAWARAN JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM

### BIL: 399 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan Pembekal untuk :

PROJEK No.: 84AB/143
MEMBEKAL DAN MENGHANTAR CAT UNTUK TANDA-TANDA JALAN RAYA KE BAHAGIAN PEMELIHARAAN JALAN RAYA, JABATAN KERJA RAYA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM BAGI TEMPOH DUA TAHUN.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 November, 1984.
Tarikh tutup : 3 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00.

### BIL: 400 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja untuk :

PROJEK No.: AD426/3501
PEMBINAAN 7 BLOK 12 UNIT RUMAH PANGSA UBAHSUAI KELAS "E" ( RUMAH PANGSA KELAS "F" GELARAN BAGI ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI ) ( 3 JENIS BILIK TIDUR ) DI KEM ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI, PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 November, 1984.
Tarikh tutup : 3 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $5,000.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 401 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kalis Air (Water-Proofing) Khas untuk :

PROJEK No.: 36/10
CADANGAN KALIS AIR ( WATER-PROOFING ) UNTUK KEPINGAN ATAP KONKRIT TETULANG BAGI BLOK RUMAH PANGSA KELAS "E" DI HALAMAN PASUKAN BOMBA, BATU 5, JALAN TUTONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 November, 1984.
Tarikh tutup : 3 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL: 402 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AB/RAM103
CADANGAN MENGATAP SEMULA BAGI BENGKEL-BENGKEL PEMELIHARAAN DI JERUDONG PARK, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 29 November, 1984.
Tarikh tutup : 3 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 403 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AW/047
MEMBEKAL DAN MEMASANG BETUNG ( SEWER ) — PEMBETUNGAN BAGI BANGUNAN PENDIDIKAN ( EDUCATIONAL ESTABLISHMENTS ) JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Syed Muhammad dan Hooi, Bilik 402, Tingkat tiga, Jalan Mc. Arthur, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Disember, 1984.
Tarikh tutup : 17 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 404 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "4" (Pemasang Letrik) untuk :

PROJEK No.: AD406/060101
PEMASANGAN LETRIK BAGI CADANGAN SEKOLAH MENENGAH UNTUK DAERAH BELAIT, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Jurutera Damit Beca Sdn. Bhd., No. 4, Bangunan Menglait Satu, Batu 2, Jalan Gadong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang 29 November, 1984.
Tarikh tutup : 3 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan)

### BIL: 405 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 36/10
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA MASJID SERUSOP JALAN MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Disember, 1984.
Tarikh tutup : 10 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00.

### SYARAT-SYARAT TAWARAN

1. *TAWARAN-tawaran hendaklah dimasukkan ke dalam peti tawaran yang terletak di Pejabat Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, tidak lewat dari jam 12.00 tengah hari, hari Isnin (pada tarikh yang ditetapkan).*
2. *Tawaran-tawaran yang diterima lewat dari tarikh dan masa yang ditetapkan tidak akan dilayan.*
3. *Tawaran-tawaran hendaklah dihantar dalam sampul surat yang bertutup, ditulis dengan nama Projek yang berkenaan tanpa menunjukkan identiti pemborong, dan ditujukan kepada Pengerusi Lembaga Tawaran, Kementerian Kewangan, Tingkat Empat, Jalan James Pearce, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
4. *Dokumen-dokumen tawaran dan penerangan-penerangan yang lanjut bolehlah dilihat dan diperolehi dari Jabatan Kerja Raya, di Airport Lama, Jalan Berakas, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam.*
5. *Cagaran tawaran adalah dikehendaki dan akan dikembalikan kepada setiap pemborong yang tidak berjaya setelah menghantar tawaran yang jujur (bona-fide tender).*
6. *Sebelum dokumen-dokumen tawaran dikeluarkan setiap pemborong dikehendaki membawa dokumen yang menunjukkan bahawa pemborong adalah yang berdaftar di Jabatan Kerja Raya dalam kelas ditetapkan.*
7. *Tawaran-tawaran mestilah dihantar dengan menggunakan borang-borang tawaran yang telah disediakan. Tawaran yang mempunyai pengecualian tidak akan dilayan.*
8. *Kerajaan Kebawah Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Baginda Sultan dan Yang Dipertuan Negara Brunei Darussalam tidak semestinya menerima tawaran-tawaran yang rendah atau lain-lain tawaran.*

### BIL: 406 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong dan pembekal untuk :

PROJEK No.: 84AW/002
MEMBEKAL PAIP AIR, ALAT-ALAT PENYAMBUNGAN DAN PERKAKAS KHAS UNTUK PROJEK BEKALAN AIR BRUNEI 1985, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Disember, 1984.
Tarikh tutup : 10 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $1,000.00.

### BIL: 407 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AD/059
CADANGAN PEMBINAAN DINDING GABION DI TEBING SUNGAI-SUNGAI BELAIS-BOKOK SEPANJANG JALAN BELAIS, BANGAR, TEMBURONG ( PERINGKAT I ) NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Disember 1984.
Tarikh tutup : 17 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 408 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong dan pembekal untuk

PROJEK No.: 84AR/093
MEMBEKAL 20 DRUM CATIONIK EMULSIFIER LILAMULS EM24

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Disember, 1984.
Tarikh tutup : 10 Disember, 1984.

### BIL: 409 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 84AR/187
PEMBINAAN SISTEM SALURAN NAJIS DAN TAPAK PEMISAH (CENTRAL ISLAND) UNTUK CADANGAN TAPAK PUSING KELILING (ROUNDABOUT) JALAN KIULAP BERHADAPAN PASAR GADONG, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Disember, 1984.
Tarikh tutup : 10 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 410 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong pemborong Kelas "C" dan ke atas untuk :

PROJEK No. : 36/10
KERJA-KERJA MEMBAIKI DAN MENCAT SEMULA SEKOLAH MELAYU PANCHOR MURAI, JALAN TUTONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Disember, 1984.
Tarikh tutup : 10 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $100.00.

### BIL: 411 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: AD414/0100
MEMBUAT DAN MEMBEKAL 72 SET PERABOT KELAS III BAGI 6 BLOK 3 JENIS BILIK TIDUR RUMAH PANGSA 'E' DI KEM ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Disember, 1984.
Tarikh tutup : 10 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 412 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: AD414/0100
MEMBUAT DAN MEMBEKAL 120 SET PERABOT KELAS III BAGI 10 BLOK 12 UNIT 3 BILIK TIDUR RUMAH PANGSA DI KEM ANGKATAN BERSENJATA DIRAJA BRUNEI PENANJONG, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Disember, 1984.
Tarikh tutup : 10 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 413 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: AD414/0100
MEMBUAT DAN MEMBEKAL :—

1) 36 SET PERABOT KELAS III BAGI 3 BLOK RUMAH PANGSA 'E'
2) 64 SET PERABOT KELAS III BAGI 5 UNIT BARIK
3) 4 SET PERABOT KELAS I BAGI 4 UNIT RUMAH-RUMAH C
4) 2 SET PERABOT KELAS I BAGI 2 RUMAH-RUMAH BERDIRI DI ISTANA, JERUDONG.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Disember, 1984.
Tarikh tutup : 10 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 414 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari Pemborong-pemborong Kelas "A" sahaja (pemborong elektrik) untuk :

PROJEK No. : AD428/1001
PEMASANGAN ELEKTRIK BAGI CADANGAN BANJARAN CQB DI PENGKALAN ANGKATAN TENTERA LAUT, MUARA, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Brisma International Consultants, F12, Kompleks Seri, Kompleks Seri Tumasek, Batu 1½, Jalan Tutong, Bandar Seri Begawan, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 13 Disember, 1984.
Tarikh tutup : 17 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 415 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "B" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: AD414/0100
MEMBEKAL DAN MEMASANG ALAT-ALAT PADANG PERMAINAN DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA DI PERUMAHAN KERAJAAN DI JALAN MALABAU, JALAN BAHAGIA DAN 5 BLOK RUMAH PANGSA KELAS 'E' DI KAMPONG ANGGEREK DESA, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Disember, 1984.
Tarikh tutup : 10 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $200.00 + $100.00 (lukisan).

### BIL: 416 TAHUN 1984

TAWARAN-tawaran adalah dipelawa dari pemborong-pemborong Kelas "AX" dan ke atas untuk :

PROJEK No.: 84AW/048
KERJA-KERJA PEMBINAAN 1 BLOK 8 UNIT 2 TINGKAT BARIK DAN KERJA-KERJA YANG BERKAITAN DENGANNYA DI PEMBINAAN SALURAN NAJIS DI KOTA BATU, BANDAR SERI BEGAWAN, NEGARA BRUNEI DARUSSALAM.

Dokumen-dokumen dan lukisan-lukisan boleh dilihat dan didapati di Pejabat Kerja Raya, Negara Brunei Darussalam hingga jam 4.00 petang hari Khamis 6 Disember, 1984.
Tarikh tutup : 10 Disember, 1984.
Cagaran tawaran : $500.00 + $100.00 (lukisan).



AWANG Haji Mohd. Salleh ketika berucap di majlis perasmian Seminar Usahawan Bumiputera Peringkat Kedua anjuran Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad di Bangunan Shell pada hari Sabtu lepas.

## Ingin setanding dengan pemborong asing

# JANGAN MENGHARAPKAN BANTUAN ORANG LAIN

BANDAR SERI BEGAWAN. — Pemborong-pemborong Melayu tempatan diingatkan supaya jangan hanya menumpukan perhatian kepada kerja-kerja kecilan, tetapi juga berminat untuk mengambil bahagian dalam projek besar dan lumayan jika mereka ingin menandingi peniaga dan pemborong yang bukan bumiputera.

Sehubungan dengan itu pula, pemborong Melayu tempatan tidak sewajarnya hanya setiap masa mengharapkan bantuan dan pertolongan pihak lain, dengan mereka sendiri tidak berusaha meningkatkan kedudukan mereka.

"Dengan hanya menumpukan perhatian mereka kepada kerja-kerja yang kecil dan rendah bayarannya, tentulah proses perkembangan mereka akan lambat dan peluang mereka untuk menandingi peniaga-peniaga dan pemborong-pemborong bukan bumiputera akan lama tercapai atau hanya akan tinggal impian sahaja."

Setiausaha Tetap I Kementerian Pembangunan,

Oleh: Aisah Piee

Awang Haji Mohd. Salleh bin Haji Hidup berkata, dalam usaha mempertimbangkan taraf pemborongan Melayu tempatan, jumlah bayaran setiap kerja yang ditawarkan patutlah diambil kira, yang mana adalah dikirakan kurang bermakna jika pemborong bumiputera menumpukan tenaga dan bangsa pada kerja yang kecil sahaja dan mendatangkan keuntungan yang sedikit.

Dalam usaha yang sama, tambahnya, pihak yang berkenaan hendaklah memperbanyakkan maklumat dan keterangan yang ditulis dalam bahasa Melayu melalui beberapa mechanism dalam media bagi memberikan peluang kepada pemborong dan peniaga mendapatkan maklumat yang betul dan senang difahami.

Berucap sebagai tetamu kehormat di Seminar Usahawan Bumiputera Peringkat Kedua di Bangunan Shell di sini Sabtu lepas, Awang Haji Mohd. Salleh seterusnya mengingatkan kedua-dua pihak dalam 'joint venture' supaya mempunyai kesedaran masing-masing.

Pihak tempatan selain dari berwaspada dalam mengikat sebarang perjanjian dengan pemborong luar negeri yang sudah established, harus berupaya memata-matai, meneliti dan mengikuti peringkat bersama itu dengan penuh minat.

"Bagi pihak luar pula, haruslah menyedari tujuan joint venture itu dibuat bukanlah semata-mata untuk mendapatkan kerja di Negara Brunei Darussalam, tetapi mereka sewajarnya mempunyai tujuan yang ikhlas dalam mempercepatkan proses pertukaran teknologi dan pengetahuan kepada rakan-rakan peniaga setempat," jelas Awang Haji Mohd. Salleh.

Mereka hendaklah mengadakan beberapa mechanism yang efektif untuk melibatkan penyertaan yang aktif dari rakan setempat bagi menambahkan kepercayaan orang ramai kepada mereka, di samping melahirkan hubungan yang baik.

Beliau menjelaskan, pihak-pihak yang bertanggungjawab patut pula menilai rangkaian-rangkaian kerja kecil dalam projek besar yang dikategorikan sebagai memerlukan teknologi yang tinggi dan permodalan yang banyak, di luar kemampuan pemborong-pemborong Melayu tempatan untuk melaksanakannya.

Dalam projek besar, rangkaian-rangkaian kerja kecil yang dilaksanakan oleh pemborong Melayu di negara ini adalah seperti pembelian barang-barang yang mana mereka itu berkemampuan membekalkannya.

Penceburan pemborong Melayu tempatan dalam setengah dari kegiatan ini akan memecahkan monopoli yang menjejaskan perkembangan penyertaan peniaga-peniaga Melayu di negara ini, tambahnya lagi.

Seminar selama dua minggu itu anjuran Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad melalui Jabatan Perkembangan Usahaniaga Bumiputera bertujuan untuk membimbing dan meningkatkan lagi prestasi bumiputera dalam berbagai jenis perniagaan. Lebih 40 orang usahawan bumiputera yang berdaftar dengan syarikat tersebut menghadiri seminar tersebut.

Dalam tempoh dua minggu itu, para peserta yang dibahagikan kepada dua kumpulan akan mendengar ceramah-ceramah mengenai perkembangan keusahawan, pengurusan buruh, bahan dan tempoh projek, aturan menender dan pengurusan kewangan.

Kertas-kertas kerja akan dibentangkan oleh empat orang penceramah yang khas didatangkan bagi seminar tersebut, yang terdiri dari Wan Abdul Rahman Ali, Prof. Dr. Muhammad Zohadie Berdaie, Prof. Dr. Hamzah Ismail dan Prof. Barjoyai Bardai.

Seminar yang sama telah dilangsungkan dalam bulan Ogos lalu di Seria. Syarikat Minyak Shell Brunei Sendirian Berhad dalam meninggikan prestasi usahawan bumiputera, sebelum ini telah mengendalikan enam Seminar Usahawan Bumiputera Peringkat Pertama dalam tahun 1983 dan 1984.

## Barang kemas dijumpai

MAJLIS Ugama Islam, Negara Brunei Darussalam, mengumumkan barang-barang kemas yang telah dijumpai seperti berikut: —

**Sebentuk cincin berpermatakan batu,** telah dijumpai di batu 6, Jalan Muara, Brunei Darussalam.

**Sebiji pin emas,** telah dijumpai di Jalan Sumbiling berdekatan dengan pintu belakang Jabatan Hal Ehwal Ugama, Brunei Darussalam.

**Dua bentuk cincin, pin baju, buah loket dan gelang,** telah dijumpai di tempat letak kereta yang berdekatan dengan Taman Haji Sir Muda Omar Ali Saifuddien, Brunei Darussalam.

Barangsiapa yang kehilangan barang-barang yang tersebut bolehlah berhubung dengan Pengelola Baitul Mal Zakat dan Fitrah, di Jabatan Hal Ehwal Ugama, Negara Brunei Darussalam.

## Pameran gambar

GAMBAR-gambar pameran Yang Berhormat Datuk Abang Yusof Puteh, Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak yang juga Presiden Photographic Society Sarawak akan dipamerkan mulai 2 hingga 15 Disember depan.

Pameran tersebut diadakan di Bubungan 12 dan akan dibuka dari jam 9.00 pagi hingga 4.30 petang.

Gambar-gambar yang akan dipamerkan meliputi pemandangan di tepi pantai, sungai, di gunung-gunung, orang-orang di Sarawak dengan pakaian tradisional dan lain-lain.

Orang ramai adalah dipersilakan untuk menyaksikan pameran tersebut.

## Pendaftaran mula dibuka

TUTONG. — Pendaftaran bagi mengikuti kelas-kelas menaip, trengkas urusan rumahtangga, jahitan, bahasa Inggeris dan buta huruf di Sekolah Melayu Kiudang kini telah dimulakan pendaftarannya sehingga akhir bulan Januari tahun depan.

Pendaftaran tersebut terbuka kepada penduduk-penduduk sekitarnya. Kepada sesiapa yang berhajat untuk mengikuti kelas-kelas yang disebutkan di atas bolehlah berhubung dari sekarang kepada Guru Besar/Penyelia Pelajaran atau Guru-guru Bahagian Dewasa sekolah itu.

## Mengharap keredaan Allah — Sambungan dari muka 2

Allah dengan memanjangkan tempoh kesenangannya dan melimpah ruahkan lagi kemewahannya.

Tambahan kepada segala itu ialah berzikir mengingat Allah juga adalah menjadi ubat dan penawar hati yang gundah gulana, hati yang rawan hiba, yang meruap-ruap bergelora, hati yang tiada tetap dan serba mungkin berangkara. Maksud firman Allah: "Tidakkah dengan mengingat Allah dalam makna takutkan azab-Nya, insaf akan kedudukan diri sebagai hamba-Nya dan makhluk-Nya yang serba mengharap akan belas kasihan rahmat dan keampunan-Nya mengiktiraf dan mensucikan-Nya dan tunduk di bawah kekuasaan-Nya itu mententeramkan hati ?"

Wahai saudara-saudara seugama, sepegangan dan seikatan! Demikianlah di antara cara dan usaha mendapatkan rahmat Allah Taala. Sudah setentunya masing-masing orang berhajat kepada rahmat perlindungan Allah, masing-masing orang memerlukan rahmat perkenan Allah dan seumpamanya. Sama juga halnya bahawa rahmat Allah yang berupa perlindungan dan jaminan keselamatan, yang berupa keredaan dan perkenan adalah diperlukan oleh sesuatu masyarakat, sesuatu bangsa, oleh sesebuah kerajaan dan oleh sesebuah negara.

### MEMERLUKAN RAHMAT

Jika dalam konteks untung nasib seseorang, amal usahanya semata-mata tidak dapat menjamin kejayaannya, keberuntungannya dan keselamatannya sehingga berkesudahan menjadi ahli syurga melainkan jua ada dan disertai oleh rahmat Allah, keredaan dan perkenan-Nya maka begitulah jua halnya untung nasib sesuatu masyarakat, sesuatu bangsa, sesebuah kerajaan dan sesebuah negara. Tegasnya, bagi keharmonian sesuatu masyarakat, bagi ketenteraman sesuatu bangsa, bagi keteguhan sesebuah kerajaan, bagi keselamatan dan ketahanan (survival) sesebuah negara tiadalah memadai setakat usaha memajukan dan mengembangkan berbagai-bagai sektor di dalamnya, tiadalah memadai setakat berbagai-bagai rancangan dengan segenap strategi dan sasarannya — melainkan semua itu hendaklah mendapat rahmat Allah, perkenan dan keredaan-Nya, mendapat keberkatan menerusi anggota masyarakat yang insaf, bangsa yang takwa, kerajaan yang mustaqim lurus dan negara yang bertuhankan Allah!

Benar, memang ada masyarakat, bangsa, kerajaan dan negara di dunia sekarang yang maju malah berpengaruh ke atas kemakmuran dunia tanpa menghiraukan rahmat Allah, tanpa mengambil kira akan hukum-hukum Allah. Tetapi bagi kita orang-orang beriman, pencapaian kemajuan dan pengaruh sahaja belum sempurna dikatakan suatu kejayaan yang sebenar, belumlah tepat dikatakan suatu keberuntungan yang sebenar.

### IKTIBAR SEJARAH

Kita boleh beriktibar dari babak-babak sejarah pengalaman kemanusiaan seperti Firaun dan kaumnya di zaman dahulu. Pembesar-pembesarnya mewah berangkara, rakyatnya taat mempertuhankannya, bahkan kerajaannya gagah dengan segala kekuasaan tapi menindas dan menganiaya. Negeri Mesir dalam zaman-zaman Firaun itu bukan tidak makmur, bahkan tinggi kemajuannya, masyhur tamadunnya. Tetapi semua itu akhirnya runtuh dan luput dalam keadaan terkutuk, dalam ristaan buruk disebabkan kedurhakaan kepada Allah, disebabkan enggan dan ingkar daripada ingat dan takutkan Allah, disebabkan takbur dan ria terhadap nikmat dan rahmat Allah. Hal ini disebutkan oleh Allah sebagaimana makna ayat 41 dan 42 Surah Al-Qamar: "Sesungguhnya peringatan telah datang kepada keluarga, kepada kaum Firaun. Mereka menyangkal ayat-ayat Allah seluruhnya, lalu Kami (Allah) siksa mereka sebagai siksaan yang maha kuasa maha perkasa."

Sebaliknya masyarakat yang beriman, bangsa yang beriman, kerajaan yang beriman dan negara yang beriman, sekalipun jatuh dan runtuh, tetapi sejatuh-jatuhnya pun tidaklah sampai luput dalam keadaan terkutuk, tidaklah sampai hanyut tenggelam dalam ristaan buruk. Lihat saja masyarakat Islam, bangsa Islam, kerajaan-kerajaan dan negeri-negeri Islam yang jatuh dan runtuh di zaman-zaman silam sekali pun runtuh atau jatuh menurun namun tetap dalam ristaan baik, tetap berkemuliaan, terus sambung-bersambung generasi demi generasi sehingga ke zaman kita ini dengan memperlihatkan tanda-tanda dan harapan kebangkitan semula. Ini tentulah kerana sepanjang zaman itu di kalangan masyarakat dan bangsa-bangsa Islam, di dalam kerajaan-kerajaan dan negeri-negeri Islam itu ada orang-orang, ada pemimpin-pemimpin, ada pembesar-pembesar, ada ulama-ulama, ada raja-raja yang salih yang takutkan Allah dan sentiasa berusaha mengharapkan kemampuan serta rahmat Allah dalam kehidupan mereka di dunia dan di akhirat. Ini tepat sekali dengan janji Allah Taala: "Sesungguhnya telah Kami tuliskan di dalam kitab Zabur sesudah pengajaran, bahawa bumi atau sesebuah negeri itu akan dipesakai oleh hamba-hamba-Ku yang baik, yang salih — iaitu yang menegakkan kebenaran, keadilan, keamanan dan kemakmuran di dunia sesuai dengan ajaran Allah." (lihat Surah Al-Anbia, ayat 105).

### BRUNEI KITA

Alhamdulillah! Bagi kita di negara Brunei Darussalam yang tercinta ini begitulah insya-Allah. Sebab kita sudahpun memutuskan dan keputusan itu menjadi azam kita bahawa dalam memajukan, dalam memodenkan negara dan segenap isi di dalamnya kita akan terus berpegang kepada pegangan yang turun-temurun iaitulah Islam.

Ini ertinya kita yakin akan keberkatan dan kepentingan mendapat rahmat Allah bagi memberi perlindungan yang sebenar, keselamatan yang sebenar dan bagi memperkenankan hasrat dan hajat kita untuk kekal insya-Allah sebagai masyarakat yang insaf, bangsa yang takwa, kerajaan yang mustaqim, negara yang bertuhankan Allah iaitulah dalam corak dan isi selaku negara Melayu Islam Beraja di bawah kepimpinan yang bijaksana lagi salih Sultan dan Yang Dipertuan kita.

Diterbitkan oleh Pejabat Penerangan Kementerian Kebudayaan Belia dan Sukan dan dicetak oleh Jabatan Percetakan Kerajaan Kementerian Undang-Undang Negara Brunei Darussalam.